



DILEMA PEMUDA UMNO

**SUBKY LATIF
CHAMIL WARIYA**

Cetakan Pertama: 1976
Cetakan Kedua: 1985 (Edisi Baru)

© Hakcipta Terpelihara

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang, dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua pun secara elektronik, fotokopi, mekanik, takaman atau lain-lain mana-mana bahagian isi kandungan/ilustrasi buku ini sebelum mendapat izin bertulis dari Pengarah Urusan Media Intelek Sdn. Bhd.

Penerbit: MEDIA INTELEK SDN BHD,
Tingkat 2B, Wisma FAM,
Peti Surat 6640,
Petaling Jaya, Selangor.

Pencetak: PERUSAHAAN PRINTEK SDN. BHD
Lot 32, Jalan 11,
Salak South New Village,
Kuala Lumpur.

324.25950
Sub

16 FEB 198

APB 432643

Perpustakaan Negara
Malaysia

KANDUNGAN

Pendahuluan	9
Penubuhan Pemuda UMNO	15
Pimpinan Sardon dan Senu	30
Zaman Datuk Harun	36
Selepas Datuk Harun	63
Sikap Datuk Musa Hitam	72
Datuk Muhamad Rahmat	93
Pencalonan Jaafar Albar	100
Singa UMNO Jadi Ketua	117
Zaman Haji Suhaimi	126
Era Anwar Ibrahim	143
Dilema Pemuda UMNO	164

LAMPIRAN:

Kenyataan Datuk Musa	173
Komen Albar	182
Tulisan Anak Tun Bajid	185

PENGANTAR EDISI KEDUA

Buku *Dilema Pemuda UMNO* ini diterbitkan pertama kali pada tahun 1976, ditulis bersama oleh Subky Latif dan Chamil Wariya. Ketika itu Pemuda UMNO sedang dalam pergolakan berpunca dari kes Datuk Harun, dan Subky Latif pula adalah wartawan bebas yang terkenal kerana analisa-analisa politik tanahair.

Memandangkan Subky Latif kini telah melibatkan diri secara aktif dalam politik PAS yang bertentangan dengan UMNO, tugas mengemaskini buku ini kami serahkan kepada Chamil Wariya seorang saja. Dengan demikian diharapkan keobjektifan buku ini menilai ketua-ketua Pemuda UMNO setelah pergolakan 1976, tetap terpelihara.

Dan memandangkan banyak perubahan yang berlaku dalam politik Pemuda UMNO kemudiannya — yang meliputi pimpinan Syed Jaafar Albar (Allahyarham), Haji Suhaimi dan sejak 1982 dipimpin oleh Anwar Ibrahim — kini kami menerbitkan edisi baru buku ini dengan tambahan bab-bab berkenaan.

Dalam bab-bab tambahan tersebut, Chamil Wariya telah meninjau pimpinan singkat Singa UMNO, Syed Jaafar Albar, yang telah berjaya menewaskan Datuk Mohamad Rahmat. Jaafar Albar meninggal dunia pada 14 Januari 1977, sebelum tempoh dua tahun menjadi Ketua Pemuda UMNO berakhir. Walaupun Allahyarham memimpin Pemuda UMNO hanya selama enam bulan, tetapi sumbangannya mengembalikan maruah Pemuda UMNO setelah terumbang-ambing ekoran pemecatan Datuk Harun, adalah cukup besar. Selain itu Allahyarham juga akan dirakam oleh sejarah UMNO sebagai tokoh yang bertanggungjawab merapatkan semula kerenggangan hubungan antara Pemuda UMNO dengan badan induknya, UMNO.

Pemerlancaran Allahyarham membolehkan Naib Ketua, Haji Suhaimi, memangku jawatan Ketua Pemuda, sehingga beliau dipilih memegang jawatan itu pada tahun 1978. Haji Suhaimi memimpin Pemuda UMNO sehingga tahun 1982, tetapi Pemuda UMNO semacam tidak pasti arahnya di bawah pimpinan beliau. Sebaik saja memangku jawatan Ketua Pemuda, beliau mengumumkan 'era bertindak', kemudian mengubah peranan Pemuda dari *pressure group* (semasa di bawah Harun dan Albar) kepada peranan yang menyokong kerajaan, terutama setelah beliau dan boleh dikatakan kesemua Exco Pemuda diberi kedudukan dalam kerajaan, baik di peringkat Persekutuan maupun Negeri. Kemudian setelah beliau tewas kepada Anwar Ibrahim, dalam kempen untuk merebut semula jawatan ketua, Haji Suhaimi berkempen atas landasan untuk menjadikan Pemuda sebagai

'kumpulan pendesak'. Akibatnya beliau kalah sekali lagi kepada Anwar, dengan majoriti yang lebih besar.

Sejak September 1982 Anwar Ibrahim pula memimpin Pergerakan Pemuda UMNO, setelah berjaya mengalahkan Haji Suhaimi. Kepimpinan Anwar tentulah menarik untuk ditinjau, terutama sebelumnya beliau adalah pengkritik kerajaan yang lantang yang diduga akan menyertai PAS; ternyata bekas Presiden ABIM ini menganggotai UMNO.

Mungkin perlu dijelaskan, buku ini bukanlah bertujuan untuk mencatat sejarah perjuangan atau kegiatan Pergerakan UMNO secara terperinci. Ia merupakan sekadar satu rakaman tentang kegiatan-kegiatan utama Pemuda UMNO, serta menilai gaya kepimpinan setiap tokoh yang mengetuainya termasuk dilema yang mereka hadapi.

Akhir sekali, terima kasih kepada A. Jalil Ali, Ketua Pengarang Kumpulan Amir Enterprise (penerbit pertama *Dilema Pemuda UMNO*) kerana mengizinkan edisi baru buku ini diterbitkan oleh Media Intelek Sdn. Bhd.

31 Ogos 1985

Azran Abdul Rahman,
Ketua Pengarang,
Media Intelek Sdn. Bhd.

PENDAHULUAN

Buku kecil ‘Dilema Pemuda UMNO’ ini tentunya tidak akan lahir di luar dari rasa tanggungjawab terhadap negara, bangsa dan demokrasi.

Kiranya ia tidak menjadi satu bahan panduan yang akan diikuti kelaknya oleh pergerakan itu, ia boleh menjadi satu dokumen untuk dikaji dari semasa ke semasa. Dan kalaupun proses alam ini ditakdirkan mentiadakan satu badan bernama Pergerakan Pemuda UMNO dari alam semesta ini, maka akan ada generasi pada kurun lain nanti berpeluang mengetahui melalui buku kecil ini bahawa ada rupanya sebuah pertubuhan dalam kurun ke-20 bernama Pergerakan Pemuda UMNO.

‘Dilema Pemuda UMNO’ cuba menghuraikan secara sepantas lalu sejarah dan perkembangan penting pergerakan itu sejak mula ditubuhkan. Belum pernah dibukukan perkara ini. Adalah tidak kena sebuah pertubuhan penting bagi badan yang menjadi teras politik negara — UMNO — dibiarkan berkembang tanpa rekod dan dokumen untuk perhatian umum.

Pemuda UMNO diasaskan untuk pemperkuhkan kedudukan UMNO setelah ia berjaya mematahkan projek *Malayan Union* tajaan Inggeris itu. Sekian lama ia sudah dikira berjasa kepada parti, bangsa dan negara. Rekod yang nyata ialah pertubuhan ini sudah berjasa besar dalam usaha merdekaan negara ini.

Tetapi berapa orangkah generasi baru yang tahu apakah peranan dan bagaimana ia telah dimainkan oleh pejuang-pejuang Pemuda UMNO yang terdahulu? Patut benar diterangkan apakah peranan Tun Hussein Onn yang menubuhkan badan itu dulu. Bagaimana badan itu boleh bertukar tangan daripada Tun Hussein kepada Tun Razak?

Apakah kemajuan-kemajuan yang sempat dicapai dalam pimpinan singkat Tun Razak sebagai Ketua Pemuda UMNO yang kedua dulu? Kemudian apa pula peranan Tun Sardon Jubir yang sebelum menjadi ketua ketiga Pemuda UMNO adalah Timbalan Yang di-Pertua Agung UMNO? Bagaimana boleh terjadi maka Tun Razak dan Tun Sardon boleh bertukar jawatan?

Tun Sardon adalah orang yang dikira telah memberi nafas dan rel kepada pertubuhan itu. Pada waktu pimpinannya Malaya mencapai kemerdekaan. Dialah orang yang begitu gigih membesarkan dan mengukuhkan Pemuda UMNO hingga ke setiap ceruk rantau dalam negara ini.

Tetapi apa pula menyebabkan pimpinannya tercabar setelah dia berjasa besar dalam sayap kanan UMNO itu? Hal-hal seperti ini tentulah ingin

diketahui oleh sejarah dan perlu diterangkan kepada umum. Sesudah itu apakah jalan-jalan dan enau yang telah dilalui oleh Datuk Senu Abdul Rahman dan Datuk Harun Idris yang mewarisi pimpinan Pemuda UMNO secara berturut?

Perjuangan badan ini tidak banyak diketahui malah oleh ahli-ahlinya sendiri. Dalam perpustakaan Ibu Pejabat UMNO sendiri tidak ada bahan yang lengkap. Ini menyulitkan malah menafikan kemungkinan untuk membuat kajian. Sedang liku-liku dan gelombang yang pernah dilalui itu adalah khazanah yang tidak boleh dirompak oleh sesiapa. Akan hilanglah jasa dan sinar kejayaan pertubuhan ini dan pemimpin-pemimpinnya kiranya khazanah ini tidak dikumpul dan disusun.

Munculnya Datuk Harun Idris ke tengah-tengah pertubuhan ini mulai tahun 1971 atau lebih tepat setelah berlakunya peristiwa 13 Mei adalah satu detik sejarah penting bukan saja bagi Pemuda UMNO malah bagi politik negara ini umumnya.

Nama Pemuda UMNO tidak dapat dipisahkan dengan nama Datuk Harun. Tidak pernah berlaku dalam sejarah sejak negara ini mengenal politik moden, sebuah gerakan politik sepertinya dapat dihormati dan diterima dengan baik oleh badan politik saingannya terutama oleh pertubuhan politik Melayu sendiri. Tetapi hakikat ini berlaku bagi Pemuda UMNO itu dapat dikenali oleh dunia termasuk masyarakat umum di barat seperti Amerika dan Kanada. Kejayaan Datuk Harun membawa pertandingan Kejuaraan Tinju Sedunia antara Muhammad Ali dan Joe Bugner pada 1 Julai 1975 menyebabkan banyak badan kebajikan di seluruh dunia

mengenali Pemuda UMNO dan Datuk Harun. Anasir ini dikira sebagai promoter terhandal di sebelah Asia Tenggara sehingga ada pasukan *skating* Amerika yang terkemuka meminta Datuk Harun menganjurkan pertunjukannya di Kuala Lumpur.

Dan segala kisah yang cuba menimbulkan kegiatan pembangunan ekonomi dan semangat berjuang yang memberi kekuatan dan kepercayaan kepada kaum Bumiputera dapat dikira wujud semasa perjuangan Pemuda UMNO berada di puncaknya antara tahun 1973-75. Pembangunan ekonomi adalah satu daripada matlamat negara yang sangat penting. Negara tidak terdaya untuk melakukan barang sekecil zarah sekalipun kesilapan, kerana kesilapan-kesilapan itu terlalu mahal harganya untuk dibayar. Negara tidak punya masa yang cukup banyak bagi memburu kemajuan yang telah dicapai oleh orang lain. Sebarang kesilapan bererti bertambah jauh dan lambat untuk mencapai kemajuan.

Dalam keadaan seperti inilah yang mencabar Pemuda UMNO, dan bagaimana ia sebagai sayap kanan parti teras politik negara harus menjalani liku-liku dengan tidak membenarkan adanya kesilapan? Ternyata ia pernah mencuba dan mencapai kejayaan sekadar dapat meyakinkan diri rakyat. Ia melakukan pemeriksaan. Di samping itu ia merancang kegiatan-kegiatan ekonominya. Ada ahli-ahli Pemuda UMNO yang sudah berani melibatkan diri dalam perniagaan berjuta ringgit yang sebelumnya cuma suatu mimpi.

Tetapi segala yang cuba dijalani oleh Pemuda UMNO, betapa gagah dan gigih sekalipun perjuangannya, ia harus menempuh jalan-jalan susah dan

rintangan.

Kalau Pemuda UMNO mudah menghadapi penjajah Inggeris dengan tidak memiliki sebatang meriam dan sebutir peluru, ini tidak bererti ia boleh menghadapi segala masalah dan halangan. Dan sekarang termyata bagi Pemuda UMNO bahawa penjajah Inggeris itu rupanya tidaklah sebesar-besar masalah. Kini penjajah itu sudah menjadi suatu soal kecil. Ia berdepan dengan soal hak dan soal batal yang terlalu kabur untuk dihadapi.

Dalam keadaan kabur seperti inilah buku kecil ini cuba memberi khidmat. Tentunya tidak banyak yang dapat dibuat. Tetapi kalau ia sudah dapat mengajak Pemuda UMNO berfikir bersama, maka itupun sudah cukup untuk sama-sama keluar dari dunia yang kabur.

Khidmat ini dikira terlalu penting. Pandangan dan teguran terpaksa dibuat terhadap badan seperti Pemuda UMNO ini. Sebabnya ialah kerana ia sebuah badan yang menjadi sayap kanan parti yang memerintah. Ia juga menjadi penentu masa depan negara. Ini termasuk nasib setiap makhluk di negara ini ataupun untuk rantau Asia Tenggara ini adalah ditentukan sama oleh Pemuda UMNO. Ia jadi milik masyarakat. Masyarakat mesti menegur dan memperkatakannya.

Oleh yang demikian apa yang diutarakan dalam buku ini adalah satu pandangan bebas yang tujuannya mahu berkhidmat untuk negara, bangsa dan demokrasi. Untuk tujuan itu tentunya beberapa nama dan tokoh akan terseret.

Personaliti tentunya penting dan sukar dihindar-

kan. Dan adalah tidak mustahil dalam menyatakan pendapat bebas dan ikhlas ini ia akan menyenangkan setengah personaliti dan akan menyeramkan personaliti yang lain. Dan mungkin juga ada pandangan yang seolah-olah berat sebelah.

Kalaulah itu berlaku, dan itulah yang dinampak oleh pembaca, nyatalah ia suatu yang tidak dapat dielakkan. Kiranya rasa berat sebelah itu dibuat untuk satu bentuk khidmat kepada negara, adakah ia suatu kesalahan? Atas dasar dan kepercayaan ini lah 'Dilema Pemuda UMNO' lahir dan tegak sendiri.

*Pulau Pinang,
22 Jun 1976.*

Subky Latif
Chamil Wariya

✓ **PENUBUHAN PEMUDA UMNO**

Pergerakan Pemuda UMNO dan badan induknya – UMNO – tidak lahir serentak. UMNO dibentuk lebih dulu iaitu pada 11 Mei 1946. Lebih kurang tiga tahun selepas badan induk itu bernafas, barulah Pemuda UMNO lahir ke dunia sebagai sayap kanan parti hingga sekarang.

Tetapi kerana ia terlalu baru – muda daripada segi umur dan pimpinan – maka kegiatannya tidak timbul. Kegiatannya juga tidak sehebat seperti pada zaman Datuk Harun sehingga tidak disenangi oleh setengah-setengah pemimpin UMNO sendiri. Bukti rasa tidak senang hati dapat dilihat bila Allahyarham Tun Dr. Ismail memberitahu Pemuda UMNO tahun 1973 bahawa dia tidak mahu pergerakan itu menjadi ‘parti dalam parti’.

Mengapa Pemuda UMNO yang kini menjangkau usia 37 tahun itu tidak bergerak aktif waktu itu dapat difahami dengan mudah. Keadaan-keadaan tidak membenarkan ia berbuat demikian. Badan induknya waktu itu yang dipimpin oleh Allahyar-

ham Datuk Onn Jaafar adalah sebuah organisasi politik yang radikal.

Kerana itu, kalaupun Pergerakan Pemuda UMNO radikal pada waktu itu, ia tidak boleh mengatasi kehebatan UMNO sendiri. Tambahan pula Datuk Hussein Onn (sekarang Tun) yang bertanggungjawab mengasaskan pergerakan itu dan menjadi ketua pertamanya tidak menunjukkan perjuangan yang bercanggah dengan badan induknya. Secara kebetulan, dia mengepalai pergerakan tersebut pada waktu yang sama ayahnya menetuai UMNO.

Adalah menjadi kebiasaan anak yang baik dan patuh kepada orang tua tidak akan derhaka, apalagi bapanya seorang penganjur yang amat dihormati dan mendapat tempat di hati setiap orang waktu itu.

Orang Melayu sayang pada Datuk Onn ketika itu. Mereka berdiri di belakang Datuk Onn untuk menghalau penjajah. Anaknya, Tun Hussein, tentu juga bertekad demikian. Dan pergerakan yang dipimpinnya tentulah sama-sama berjuang ke arah itu.

Tun Hussein tahu kalau Pemuda UMNO melakukan sesuatu tindakan yang bertentangan atau mahu melebihi UMNO sendiri kewibawaan pimpinan Datuk Onn akan dipertikaikan orang.

Inggeris yang memang suka melihat UMNO berpecah akan ketawa. Dan yang rugi nanti ialah orang-orang Melayu sendiri. Tun Hussein sedar bahawa dalam keadaan itu dia tidak mampu untuk membuat kesilapan sekalipun kecil.

Kerana itu sejak mula lagi ia memastikan per-

gerakan itu berjalan seperti yang dimahu oleh ayahnya sendiri. Kalau tidak masakan Datuk Onn memberikan tanggungjawab kepadanya mengasaskan pergerakan tersebut. Pada hal kalau mahu dikira ramai lagi pemimpin-pemimpin muda yang ketokohnya kalaupun tidak melebihi Kapten Hussein waktu itu tapi sama, mengapa mereka tidak diberi peluang?

Kapten Hussein waktu itu baru sahaja pulang dari medan perang di India. Orang-orang muda yang masuk UMNO sewaktu UMNO mula ditubuhkan ramai. Benar bahawa Kapten Hussein juga bersama ayahnya, tetapi mengapa peluang itu tidak diberi kepada orang lain.

Dari segi kelulusan ramai yang lain ada, termasuk Sardon Jubir (sekarang Tun dan bekas Gabenor Pulau Pinang). Dia lulus undang-undang. Haji Ahmad Badawi juga aktif. Malah dia bersama-sama mengasaskan pergerakan itu sejak mula lagi. Tapi dia tidak berpeluang menjadi ketua sehingga-lah pada zaman Tun Sardon. Itupun setakat menjadi Naib Ketua sahaja selama 14 tahun berturut-turut. Encik Sopiee Sheikh Ibrahim juga sama-sama mengasaskan pergerakan tersebut.

Tun Hussein tentunya tidak menghadapi banyak rintangan untuk menubuhkan Pemuda UMNO. Dia mempunyai semua kemudahan. Dia paling ham-pir dengan bapanya. Dan darah perjuangan yang mengalir pada Datuk Onn juga mengalir dalam tubuh Tun Hussein.

Lagipun, kalaupun Tun Hussein tidak ditunjuk oleh bapanya untuk mengepalai pergerakan itu, orang lain juga akan memilihnya sebagai ketua. Dia

anak Datuk Onn dan orang beranggapan kalau ayah seorang pejuang anak tentu juga seorang pejuang. Kalau kuah tidak tumpah ke nasi ke mana lagi. Bukankah kata orang bapa borek anak rintik? Keadaan itu membuat orang muda terpengaruh dengannya.

Dengan keadaan itu jadilah dia Ketua Pemuda. Tugas pentingnya ialah mencari seramai-ramai anak muda memasuki pergerakan yang diasaskannya untuk menyokong parti UMNO pimpinan bapanya. Tugas itu sama seperti yang dibuat oleh API yang dipimpin oleh Ahmad Boestaman untuk mendukung Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) ketika itu.

Bagaimanapun Tun Hussein sewaktu menjadi ketua tidak banyak mencetuskan isu-isu politik yang menarik perhatian. Usaha meluaskan sayap pergerakan ke seluruh negara dibuat. Jentera parti juga diperkuuhkan. Pendeknya, kejayaan Tun Hussein ialah mengasas sahaja. Tapi itu sekadar sebahagian perjuangan.

Tapi Kapten Hussein tidak lama menjadi ketua. Dia terpaksa meninggalkan jawatan itu kerana ayahnya mahukan dia menjadi Setiausaha Agung parti.

Bagaimanapun pemergian Tun Hussein tidak meninggalkan pergerakan itu kekosongan pimpinan. Ramai yang boleh memimpin Pemuda UMNO waktu itu. Tun Razak ada. Dia masih muda. Punya pengalaman. Tapi dia nampaknya tidak berminat untuk berjuang dalam Pemuda sahaja.

Dia hadir sama bila pemilihan dibuat. Tapi bukan sebagai perwakilan, cuma menjadi pemerhati

sahaja. Entah macam mana ada orang mencadangkan nama Tun Razak sebagai ketua. Dan pencalonannya disokong. Tidak ada tentangan diberikan.

Mereka merasakan Tun Razak boleh menjadikan Pemuda UMNO sebagai satu sayap parti yang berkesan. Tun Razak sudah memperlihatkan kecenderungan dalam politik sejak menuntut lagi. Dia seorang aktivis pelajar dan menubuhkan Malaya Forum di London. Waktu di England, dia menganggotai Parti Buruh. Dia juga aktif dalam parti yang berhaluan kiri itu.

Tun Razak juga sudah biasa menghadiri sidang antarabangsa. *Performancenya* dalam sidang tersebut agak mengagumkan. Dia pernah mewakili Malaya ke persidangan Pertubuhan Belia Dunia di Brussels. Negara yang waktu itu sedang memperjuangkan kemerdekaan memerlukan seorang pemimpin seperti Tun Razak. Yang peliknya, Tun Razak sendiri merasakan Pemuda UMNO bukanlah tempat dia mahu berjuang.

Allahyarham merasakan kalau dia terlibat secara langsung dengan badan induk parti adalah lebih baik. Lebih berkesan. Sejak itu perhatiannya banyak diberikan kepada UMNO seluruhnya.

Entah macam mana persefahaman dicapai dengan Tun Sardon yang ketika itu menjadi Timbalan Presiden UMNO. Mereka bertukar jawatan. Tun Razak menjadi Timbalan Presiden — orang kedua pentingnya dalam parti selepas Datuk Onn dan Tun Sardon menjadi Ketua Pemuda.

Membebaskan Malaya daripada cengkaman penjajahan menjadi perjuangan UMNO waktu itu.

Dan pemuda UMNO juga menjadi penggerak penting dalam proses tersebut.

Tun Sardon merasakan cogankata UMNO: HIDUP MELAYU tidak sesuai lagi. Melayu memang sudah lama hidup di tanahairnya sendiri. Sejak zaman Sultan Melaka dulu lagi. Dan Hang Tuah berpesan: Melayu tidak akan hilang dari dunia.

Cogankata PKMM 'MERDEKA' adalah lebih sesuai. Parti itu sudah diharamkan oleh Inggeris. Mereka berpendapat itulah cogankata yang paling tepat dalam keadaan itu di samping dapat menarik minat pengikut PKMM. Apa ertinya Hidup Melayu kalau negara terus dijajah. Pemuda UMNO merasakan cogankata itu akan meninggalkan kesan yang mendalam di hati rakyat.

Pemuda UMNO bukan mahu mengenepikan cogankata yang terdahulu itu. Mereka sekadar merasakan masa untuk perubahan sudah sampai.

Datuk Onn sendiri tidak setuju dengan cogankata Merdeka itu. Bukan bererti Datuk Onn tidak mahu negara Merdeka. Cogankata dulu digunakan oleh parti musuh UMNO. Matlamat perjuangan kesitulah. Tapi dia merasakan HIDUP MELAYU itu lebih membara. Dia mahu orang Melayu terus hidup.

Tetapi Datuk Onn atau Pemuda UMNO tidak dapat secara sendirian memutuskan perkara tersebut. Cara paling baik dibuat. Perkara itu diserahkan kepada perwakilan untuk dibincangkan.

Akhirnya Pemuda UMNO berjaya juga. Pada tahun 1951, cogankata ditukar kepada MERDEKA. Perkataan MERDEKA mula bermain di bibir setiap

orang. Tapi menjadi sebutan sahaja tidak cukup. Menyebut perkataan MERDEKA belum bererti lagi kalau negara terus dikuasa Inggeris. Orang Melayu mesti mengambilalih teraju pemerintahan. Baru perkataan mempunyai pengertiannya.

Inggeris akhirnya tunduk juga. Rundingan-rundingan ke arah kemerdekaan dimulakan. Per-setujuan dicapai. Tapi bila tarikh yang sesuai?

Sekali lagi Pemuda UMNO menunjukkan sikap tegasnya. 31 Ogos 1957 dipilih. Tunku Abdul Rahman yang waktu itu Presiden UMNO bersetuju.

Ini bukan bererti Pergerakan Pemuda UMNO sudah tamat perjuangannya. Banyak lagi yang dibuat oleh pergerakan yang dipimpin oleh Tun Sardon dan Datuk Ahmad Badawi itu. Tetapi perjuangan mereka waktu itu tidak banyak bercanggah dengan UMNO sendiri. Apa yang mereka perjuangkan, itulah yang UMNO perjuangkan.

Jadi ketegangan antara UMNO dan Pemuda UMNO tidak banyak berlaku. Mereka lebih banyak mengikut kata daripada melancarkan rancangan sendiri. Angin kemerdekaan yang baru dicapai sedikit-sebanyak tentu mempesonakan mereka. Perjuangan yang mereka fikir mustahil untuk dicapai itu membuat mereka rasa kagum sebentar.



Tun Hussein Onn

Pengasas dan Ketua Pemuda UMNO yang pertama



Tun Abdul Razak
Ketua Pemuda UMNO yang kedua



Tun Sardon Jubir

Ketua Pemuda UMNO yang ketiga, 1951–1964



Datuk Senu Abdul Rahman
Ketua Pemuda UMNO yang keempat, 1964–1971



Tun Sardon (kanan), Tun Dr. Ismail (kiri) bersama para pemimpin UMNO yang lain.



Allahyarham Tun Razak, Tun Sardon, Datuk Musa dan Allahyarham Tan Sri Jaafar Albar empat tokoh yang pernah memimpin Pemuda UMNO.



Jaafar Albar (kanan) menerima tahniah daripada Datuk Senu, sebaik saja terpilih menjadi Ketua Pemuda UMNO, 1976.



Antara tokoh Pemuda UMNO yang terkenal suatu waktu dulu. Dari kiri: Datuk Ali Hj. Ahmad, Encik Mohd. Sopiee Ibrahim dan Haji Sulaiman Palestin.

PIMPINAN SARDON DAN SENU

Tun Sardon tidak mahu melihat Pemuda UMNO terpesona dengan kemerdekaan yang dicapai tanpa pertumpahan darah itu. Dia merasakan pentingnya semangat pemuda digembelingkan. Taat setia terhadap pucuk pimpinan parti mesti ada. Se-waktu dia menjadi Ketua Pemuda, negara berdepan dengan banyak ancaman.

Darurat masih dikuatkuasakan. Komunis masih cergas melancarkan serangan. Mereka tidak mahu mengiktiraf kemerdekaan yang diusahakan oleh Pemuda UMNO itu. Mereka meracuni fikiran rakyat dengan pelbagai dakyah yang kalau tidak disekat boleh mencabar keutuhan UMNO umumnya dan Pemuda khususnya.

Negara menghadapi ancaman komunis itu dengan jayanya sehingga darurat dibatalkan pada tahun 1960. Tapi keadaan tidak terus membenarkan Pemuda UMNO untuk keluar sebagai juara rakyat. Indonesia melancarkan konfrontasi terhadap Malaysia kerana tidak setuju dengan pembentukan Malaysia itu.

Pemuda UMNO pimpinan Tun Sardon memainkan peranan penting dalam mempertahankan sebarang tuduhan yang dilemparkan oleh negara jiran itu ke atas pemimpin kita. Pada satu peringkat, Tun Sardon pernah mengajak Aidit dari Indonesia bertumbuk dengannya. Tindakan itu bunyi macam tindakan anak-anak kecil sahaja, tetapi itu lahir atas semangat mahu mempertahankan negara.

Satu kejayaan jelas Pemuda di bawah Tun Sardon ialah pengembelingan semangat kepada pucuk pimpinan. Pemuda UMNO diberi peranan untuk berbaris kalau pemimpin atasan datang melawat. Kegiatan berbaris itu walaupun dianggap oleh setengah pihak sebagai membuang masa sahaja, tapi ia dapat memupuk semangat perpaduan di kalangan ahli-ahlinya. Hingga sekarangpun kegiatan tersebut sudah menjadi tradisi. Pemeriksaan barisan Pemuda UMNO semacam sudah wajib dilakukan oleh Presiden dan Timbalan Presiden parti.

Selama 14 tahun Tun Sardon berkuasa, bidang ekonomi terlalu kurang diberi perhatian. Perkara ini timbul mungkin kerana orang-orang atas sendiri seringkali menekankan bahawa '*political power*' adalah penting berada dalam tangan orang-orang Melayu. Kerana itu Pemuda UMNO yang bakal mewarisi pucuk pimpinan akan datang terlalu banyak memberi perhatian dalam soal ini hingga terlupa soal ekonomi.

Tempoh Tun Sardon dan Datuk Ahmad menjadi ketua dan naib ketua adalah terlalu lama. Dan anggota-anggota Pergerakan merasakan perlu untuk membuat perubahan, terutama setelah melihat bahawa Tun Sardon dan rakan-rakannya tidak

berapa mampu untuk menyesuaikan diri dengan keadaan dan perubahan masa.

Zaman Tun Sardon juga terlalu banyak tokoh yang lebih 40 duduk dalam jawatankuasa pergerakan. Ketika inilah perubahan dibuat. Perlembagaan dipinda tidak membenarkan lagi mereka yang lebih 40 bertanding untuk apa juga jawatan dalam Pemuda UMNO. Bagaimanapun jawatan ketua utama dikecualikan. Siapapun boleh menjadi ketua tidak kira bawah 40 atau atas 40. Asal boleh memimpin Pemuda UMNO sudahlah.

Tun Sardon yang selama ini menang tanpa bertanding buat pertama kalinya telah ditentang pada tahun 1964. Penentangnya ialah Datuk Senu Abdul Rahman, bekas Setiausaha Agung UMNO. Datuk Senu menang, dan bermulalah zaman Senu pula, sehinggalah dia mengundurkan diri pada tahun 1970.

Tun Sardon boleh menang kalau dia ditentang oleh beberapa orang lain yang turut dicalonkan bertanding seperti Haji Sulaiman Palestine dan Tan Sri Haji Khalid Awang Osman. Tetapi Haji Sulaiman menarik diri pada saat terakhir pertandingan. Tan Sri Haji Khalid juga berbuat demikian. Mereka bukan sekadar menarik diri, tapi memberi sokongan pada Datuk Senu pula.

Satu perkara yang dilakukan oleh Datuk Senu yang pada mulanya dianggap aneh ialah mengadakan pasukan sukan dan muzik dalam pergerakan tersebut. Perkara ini dianggap tidak selari dengan perjuangan politik dan tidak boleh mengembangkan daya fikiran dan alam intelektualisme.

Datuk Harun dan Datuk Musa sendiri merasa kan benda ini tidak begitu penting bagi Pemuda UMNO. Bagaimanapun mereka terus menyambung malah menyuburkan kegiatan Datuk Senu yang dianggap ganjil itu.

Sekarang Pemuda UMNO sudah ada pasukan bolanya sendiri. Begitu juga dalam lain-lain bidang sukan. Ahli-ahlinya aktif, sehingga diadakan pula acara Sukan Tahunan.

Dalam bidang muzik pula, Pemuda UMNO sudah ada pasukan angklungnya sendiri. Pasukan tersebut turut mengambil bahagian dalam peristiwa-peristiwa yang memerlukan bakti mereka. Begitulah usaha Datuk Senu memperkenalkan Pemuda UMNO bukan setakat sebuah sayap kanan UMNO, tetapi juga dalam bidang-bidang lain.

Kejayaan besar Datuk Senu ialah melahirkan revolusi mental dan pemuda tahan lasak bagi mengubah fikiran orang Melayu. Usaha itu baik tetapi pelaksanaannya sedap pada pidato sahaja tapi pada praktikal perubahan tidak juga wujud. Pemuda UMNO tetap juga berbaris untuk memberi penghormatan kepada ketua. Sekarang ini berbaris juga dan ditambah dengan silat pula.

Usaha Datuk Senu untuk mengubah fikiran orang Melayu tidak berjaya sepenuhnya. Buku Revolusi Mental cetusan fikiran Datuk Senu dan dikarang oleh intelek-intelek muda UMNO itu tidak banyak dibaca orang, khususnya orang-orang parti sendiri.

Dalam banyak hal, buku tersebut mendedahkan kelemahan orang Melayu kepada bangsa asing.

Kelemahan-kelemahan tersebutlah yang digunakan oleh mereka apabila berdepan dengan orang-orang Melayu. Bahaya yang ditimbulkan oleh buku tersebutlah yang membimbangkan setengah pihak. Mengapa Datuk Senu 'overlook' akan perkara ini tidak pula ada kalangan yang mahu ambil tahu.

Mungkin Datuk Senu terlalu ghairah untuk mengukir namanya sebagai seorang tokoh yang mampu mengubah fikiran bangsanya. Datuk Senu tahu tugas tersebut tidak mudah dilaksanakan. Dia juga tahu latar belakang sosio-ekonomi bangsanya itu akan mematahkan usaha mengubah revolusi mereka.

Bagaimanapun satu perkara yang menarik ialah Pemuda UMNO berjaya melahirkan banyak pemimpin UMNO yang berjaya dalam politik, walaupun mungkin secara kebetulan atau tidak.

Bekas Perdana Menteri Tun Hussein asalnya ialah ketua pertama Pemuda UMNO. Begitu juga bekas PM, Tun Razak, Tun Sardon dan Datuk Senu. Mereka adalah tokoh-tokoh politik UMNO yang gagah yang tidak mudah dicabar, walaupun ada setengah pihak mempertikaikan kewibawaan mereka ketika mereka menjadi menteri.

Nyatalah bahawa Ketua Pemuda UMNO, kalau mahu radikal dan bertindak sebagai '*watch dog*' kepada kerajaan parti hendaklah seorang tokoh yang tidak duduk dalam kabinet parti yang memerintah.

Tun Sardon dan Datuk Senu menjadi menteri sewaktu mereka menjadi Ketua Pemuda. Adalah ketara mereka tidak mampu menjadi '*trouble-shooter*' atau mengkritik dan mengecam serta me-

negur mana-mana perjalanan yang dirasakan tidak betul baik dalam parti ataupun kerajaan.

Datuk Harun Idris, bekas Menteri Besar Selangor, begitu hebat mengkritik kerana dia tidak duduk dalam kabinet.

ZAMAN DATUK HARUN

Datuk Harun Idris tidak pernah melobi sesiapa untuk menjadi Ketua Pemuda UMNO yang terpaksa dikosongkan oleh Datuk Senu dalam tahun 1971.

Datuk Senu yang menjadi Ketua Pemuda sejak tahun 1964 terpaksa melepaskan jawatan itu kerana dia juga adalah menjadi Setiausaha Agung UMNO yang baru.

Dua calon yang popular untuk merebut jawatan itu ialah Datuk Ali Hj. Ahmad dan Datuk Musa Hitam. Datuk Ali adalah Naib Ketua Pemuda ketika itu dan dia sudah lama dididik oleh Datuk Senu. Kumpulan lama dalam UMNO seperti Tan Sri Albar, Tan Sri Syed Nasir dan Datuk Senu sendiri adalah cenderung untuk melihat Datuk Ali menang.

Politik UMNO ketika itu tidak begitu senang dengan politik Datuk Musa yang baru saja pulang dari London kerana melanjutkan pelajaran. Datuk Musa sebelumnya menjadi Menteri Muda kepada

Timbalan Perdana Menteri telah dipecat oleh Tunku Abdul Rahman Putera daripada jawatannya.

Datuk Musa sentiasa menjadi pujaan golongan terpelajar dan golongan UMNO yang mahukan perubahan. Keadaan-keadaan telah meletakkan adanya semacam satu jurang antara Datuk Musa dengan golongan lama yang terus setia kepada pimpinan Tunku.

Tunku sendiri tentulah tidak suka melihat Datuk Musa mendapat tempat yang kuat dalam UMNO. Perbedaan tentang cara berjuang dan perbedaan dalam pandangan hidup serta perbedaan dalam perangai dan pembawaan sudah cukup untuk memisahkan mereka. Sudah tentulah perbedaan ini menyulitkan keduanya untuk duduk dalam satu gelanggang.

Bagi Tunku, kedatangan semula Datuk Musa ke tengah politik UMNO, sedikit sebanyak menyulitkan kepimpinannya. Datuk Musa mungkin tidak bertujuan buruk terhadapnya. Tetapi tentulah kewibawaan Tunku sebagai pemimpin yang menolak Datuk Musa tercabar sedikit sebanyak dengan ke-datangannya itu.

Datuk Musa pula, sesudah dia tersisih sehingga terpaksa meninggalkan negara tentulah mahu menunjukkan kepada umum bahawa dia seorang yang gagah dan seorang yang dapat diterima oleh ahli-ahli UMNO. Datuk Musa mahu menunjukkan bahawa dia adalah orang UMNO yang pertama dalam sejarah diterima semula oleh UMNO setelah diketepikan oleh Tunku.

Datuk Musa yang tidak pernah berganjak bila

membuat keputusan cuba menghadapi rintangan. Kuncu-kuncu Datuk Ali Hj. Ahmad yang sedikit sebanyak telah menyulitkan politiknya sedaya upaya akan dipatahkannya.

Dalam keadaan seperti inilah tiba-tiba satu Cawangan UMNO dari Kota Baru Kelantan telah mencadangkan nama Datuk Harun untuk menjadi Ketua Pemuda. Datuk Samad Idris yang juga dicalonkan segera menyatakan sokongannya kepada Datuk Harun dan menarik diri daripada pencalonannya.

Datuk Musa pula segera mengadakan rundingan dengan Datuk Harun dan bersedia menjadi Naib Ketua saja. Datuk Musa dan Datuk Harun bersetuju untuk bekerjasama. Datuk Harun dari mula sudah mengetahui bahawa kerusi Ketua Pemuda itu panas dan sepanjang tahun enam puluhan kerusi itu menjadi tapak beradu kekuatan.

Haba rebutan tenaga antara penyokong dan penentang Tunku sudah diciumnya dan dia mencuba melibatkan diri bagi menenangkan suasana saja. Dia bersedia menjadi Ketua Pemuda bagi satu tempoh dan kemudian memberi jalan kepada orang yang selayaknya; dalam hal ini orang ini tentulah Datuk Musa.

Datuk Musa sendiri memberi tapak kepada Datuk Harun juga dengan muslihatnya. Dia mahu melihat penentang politiknya, Datuk Ali dan Datuk Shariff Ahmad yang bertanding untuk jawatan Naib Ketua ketika itu, tewas dan kedua-duanya hilang pengaruh dalam Pemuda UMNO.

Datuk Musa tentu tidak senang memimpin Pe-

muda UMNO kiranya Datuk Shariff menjadi Naib Ketuaanya. Datuk Musa tentu bimbang yang Datuk Shariff nanti boleh bermain kayu tiga dan menyulitkan politiknya.

Pada Datuk Muşa, hilangnya Datuk Ali dan Datuk Shariff daripada Pemuda UMNO, maka bertambah kuranglah saingannya dan sebahagian daripada masalahnya terhindar.

Tun Razak sendiri tertarik dengan Datuk Harun. Ramai tokoh lama bertemu dengan Tun Razak membincangkan tentang calon itu. Tun Razak yang sudah melihat keupayaan Datuk Harun menghadapi soal 13 Mei merasakan dia lebih layak daripada Datuk Ali.

Ramai yang cuba menyatakan kepada Tun Razak bahawa kemenangan Datuk Ali lebih baik bagi perpaduan UMNO. Tetapi Tun Razak lebih yakin dengan daya pimpinan Datuk Harun. Kira-kira dia berpeluang mengundi, maka dia akan mengundi Datuk Harun, bukan Datuk Ali, yang dikira-nya lembik.

Latar belakang inilah kemudiannya memberikan peluang kepada Datuk Harun menjadi Ketua Pemuda dan untuk selama lima tahun telah mencatat satu sejarah yang begitu mempesonakan Pemuda UMNO.

Kemenangan Datuk Harun itu membawa sama kemenangan Datuk Musa. Bagi Datuk Musa kemenangan itu adalah kejayaannya untuk kembali ke-tengah-tengah perjuangan UMNO yang giat. Dia dengan sendirinya terbukti orang yang pertama kembali setelah diketepikan oleh Tunku.

Sebenarnya pemilihan ahli-ahli Pemuda UMNO itu adalah bijak. Pemilihan ke atas Datuk Musa bukan bererti menolak Tunku. Ini tidak bererti bahawa mereka lebih kasih kepada Datuk Musa daripada Tunku. Dan mereka juga bukanlah orang yang menerima Tunku saja atau Datuk Musa saja. Mereka adalah orang-orang UMNO yang mahu melihat Tunku dan Datuk Musa bersama-sama dalam UMNO untuk kepentingan perjuangan UMNO yang belum selesai.

Kejayaan awal yang dicapai oleh Datuk Harun sebenarnya banyak didorongkan oleh sifat dinamik dan kuat azam Datuk Musa sendiri. Datuk Harun sendiri adalah orang yang boleh gelak ketawa dan memang boleh bergurau dan berlucu semasa mesyuarat dan semasa membuat kerja.

Tetapi Datuk Musa berlainan. Di luar bilik mesyuarat dia mengilai. Di luar kerja dia bergurau-senda. Bila mesyuarat dan bekerja, dia serius. Sering dia menegur perjalanan mesyuarat bila Datuk Harun membiarkan anggota Jawatankuasa meleret dan keluar tajuk. Dia nantinya mengajak mereka kembali kepada tajuk.

Sikap serius Datuk Musa itu sendiri banyak menolong Datuk Harun memimpin badan itu dengan cara yang serius. Tetapi dia mahu memberi peluang kepada sahabat-sahabatnya untuk *relax* sekejap-sekejap.

Imej yang dapat ditunjukkan oleh Datuk Harun ialah Jawatankuasa pusatnya mampu menjadi penegur yang berkesan terhadap apa juga penyelengangan dan kelemahan. Badan itulah penyokong kerajaan,

badan itulah menjadi *pressure group* dan badan itu jugalah yang menjadi *trouble shooter*.

Antara perkara awal yang diusahakannya ialah ia secara lantang membawa kembali Dr. Mahathir Muhamad ke dalam UMNO. Dr. Mahathir telah dipecat oleh Tunku dan Tun Razak. Sejak itu Dr. Mahathir menjadi pengkritik UMNO yang lantang. Dia sungguh mendapat perhatian dan dia disanjung oleh pembangkang dan golongan yang menentang kerajaan.

Datuk Harun dan beberapa orang kawannya telah pergi mengunjungi Dr. Mahathir di Alur Setar. Dia merasa agak sulit untuk menemui Dr. Mahathir yang ketika itu tidak begitu berminat untuk mela-yan usaha mengembalikan dirinya ke dalam UMNO.

Mengapa Dr. Mahathir bersikap demikian kurang difahami. Tetapi boleh jadi dia kecil hati dengan sikap pemimpin-pemimpin UMNO masa itu. Bagaimanapun Datuk Harun pergi juga mencarinya. Datuk Harun terpaksa menunggunya.

Bagaimanapun Dr. Mahathir mahu juga berunding dengan Datuk Harun. Setelah beberapa run-dingan akhirnya Dr. Mahathir bersetuju. Sesudah Datuk Harun memperjuangkan masalahnya dalam Majlis Tertinggi UMNO, UMNO akhirnya sedia menimbangkan perkara itu kiranya Dr. Mahathir sedia membuat permohonan.

Datuk Harun berjaya memujuk Dr. Mahathir membuat permohonan dan dia pun diterima semula masuk UMNO.

Apa yang dicapai oleh Pemuda UMNO itu ada-

lah perkara yang tidak mudah dilupakan kerana peranan Dr. Mahathir bertambah penting untuk parti dan negara empat tahun setelah dia kembali ke pangkuhan UMNO.

Kemasukan semula Dr. Mahathir mungkin satu usaha atau satu kejayaan kecil pada ketika itu kerana Dr. Mahathir yang sebelumnya tewas dalam Pilihanraya Umum 1969 adalah seorang aktivis radikal yang biasa saja.

Meskipun beliau ketika itu sudah mampu membuat kenyataan-kenyataan politik yang tegas dan lantang termasuk kemampuannya menghasilkan buku '*The Malay Dilemma*', tetapi apabila kemudianya dia menjadi Timbalan Perdana Menteri dan seterusnya Perdana Menteri, tentulah kemasukannya semula ke dalam parti akan menjadi bahan kajian. Dengan itu perkara kemasukannya dan usaha Pemuda UMNO tadi kian penting. Kiranya tidaklah dengan usaha Pemuda UMNO tadi, maka adalah diragukan yang Dr. Mahathir dapat mencapai kedudukannya sebagai Perdana Menteri.

Dr. Mahathir sekarang sangat maju dalam karier-nya sebagai seorang ahli politik. Dia tercatat sebagai seorang pembuat sejarah. Kalau dia masuk dalam sejarah, apakah usaha Pemuda UMNO tadi tidak mungkin sama masuk dalam catatan sejarah? Dan tentunya segala peranan yang dimainkan oleh Dr. Mahathir sekarang dan akan datang adalah satu pencapaian yang bertolak daripada kesempatan yang diberikan oleh Pemuda UMNO.

Satu perkara yang sangat menghairahkan ialah kemampuan Pemuda UMNO menggesa kerajaan menjadikan akhbar 'Straits Times' milik syarikat

dalam negeri. Akhbar itu adalah milik syarikat asing dan pengaruh yang dimainkannya tentulah mengikut kehendak kepentingan tuannya.

Dengan itu peranannya tentulah dipertikaikan oleh orang-orang yang berjiwa nasionalis. Usaha untuk memecahkan monopoli Straits Times sudah banyak diperkatakan oleh tokoh-tokoh nasionalis. Tetapi tidak ada satu cadangan yang konkret dan selari dengan undang-undang yang dapat memecahkan perkara itu.

Datuk Harun dan Datuk Musa telah mengemukakan satu dasar yang meliputi semua perusahaan syarat pelaburan nasional iaitu majoriti milik sahamnya mesti dipegang oleh modal dalam negeri.

Dengan dasar ini bukan saja Straits Times boleh dimiliki oleh pemodal dalam negeri, tetapi tidak ada syarikat asing berhak mengendalikan perusahaan akhbar di negara ini. Dengan dasar itulah kumpulan akhbar 'New Straits Times' kini menjadi milik pengusaha dalam negeri.

Apakah alat-alat sebaran am itu dapat memberi budi dan manfaat kepada Pemuda dan Datuk Harun khususnya adalah suatu hal yang lain, tetapi yang nyata ialah ia sekarang dapat dikuasai dan ditadbirkan oleh watan negara ini sendiri.

Bagaimanapun hasrat Pemuda UMNO untuk melihat akhbar-akhbar berjalan mengikut lunas-lunas kebebasan yang dikehendaki oleh etiket persuratkhabaran dalam bentuk yang bertanggung-jawab belum lagi terlaksana. Tetapi kesedaran dan kemauuan pemimpin-pemimpin yang sezaman

dengan Datuk Harun itu tentulah akan terus diperjuangkan.

Pemuda UMNO dipimpin oleh Datuk Harun sama masanya dengan kelahiran Dasar Ekonomi Baru Tun Razak. Kegiatannya hampir sama panjangnya dengan tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua.

Dengan itu, sesudah Pemuda UMNO disusun sebagai sebuah pergerakan politik, lengkap dengan tugas tiap-tiap jawatankuasa pusatnya, badan itu menyusun barisan pimpinan di tiap-tiap peringkat. Regu Datuk Harun dan Datuk Musa telah menjelajah ke setiap negeri menyusun barisan pimpinan di peringkat negeri. Dari situ mereka menyusun barisan di peringkat Bahagian dan Cawangan.

Penyusunan ini memberikan peluang yang mudah kepada pergerakan itu menyampaikan semua perintahnya dengan berkesan kepada semua peringkat dan lapisan ahli.

Dengan penyusunan inilah membolehkan munculnya bakat-bakat pemimpin di perbagai tahap. Satu contoh yang baik dapat kita lihat daripada kemunculan Datuk Muhamad Rahmat sendiri. Pemimpin yang dibawa oleh Tun Sardon Jubir ke tengah-tengah UMNO ini telah beberapa kali mencuba untuk menjadi anggota Jawatankuasa Pusat Pemuda UMNO tetapi gagal.

Bila Datuk Harun terpilih menjadi Ketua Pemuda, dia telah menggunakan haknya untuk memilih lima orang ahli Jawatankuasa Pusat itu bagi membawa Datuk Muhamad Rahmat masuk. Walaupun ketika itu Datuk Muhamad menjadi Setiausaha

Parlimen di Kementerian Pelajaran, dia diberi tugas oleh Datuk Harun sebagai Pengurus Sukan Pemuda UMNO.

Mengapa dia tidak diberi menjadi Pengurus Pelajaran? Bukankah kedudukannya dalam Kementerian Pelajaran memberikan kesempatan yang baik untuk mengepalai Jabatan Pelajaran. Tentulah dia lebih mengetahui soal dan masalah pelajaran daripada orang. Tetapi Datuk Harun lain. Dia memikir jauh.

Sebagai Setiausaha Parlimen di kementerian itu Datuk Muhamad tentunya terikat dengan terlalu banyak peraturan. Dia dikira orang yang menjalankan dan membuat dasar. Dia tentunya tidak dapat menjalankan peranan sebagai *trouble shooter* bagi pihak Pemuda UMNO. Sebagai orang dalam dia sudah tidak bebas lagi untuk memperkatakan masalah di kementeriannya. Peranan *trouble shooter* itu lebih mudah dijalankan oleh orang luar yang bebas.

Dengan pimpinan kolektif ini Pemuda UMNO sering mengadakan pertemuan-pertemuan dengan mana-mana pihak jua termasuk Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri bagi menyatakan pendapat mereka tentang perkara-perkara yang mereka kira patut ditegur atau dibetulkan.

Umpamanya, soal kapal haji yang sangat rumit sekitar tahun 1971-72. Soal ini melibatkan beberapa orang besar UMNO. Perkara ini menyebabkan berlaku pertelingkahan peribadi antara pemimpin-pemimpin UMNO dengan Datuk Harun.

Pemimpin-pemimpin UMNO merasakan Pemuda UMNO pimpinan Datuk Harun itu mahu menjaga

tuhkan imej mereka dan ini akan melumpuhkan kedudukan masing-masing dalam UMNO.

Soal kapal haji ini memang benar lemah. Sebalnya ialah pengalaman pentadbirnya kurang cekap. Masalah yang sama juga dihadapi oleh syarikat penerbangan, MAS ketika memulakan perkhidmatannya. Tun Sardon ketika itu menjadi menteri yang bertanggungjawab telah ditanya oleh Pemuda UMNO dan hal ini menjadi satu isu panas.

Pihak kapal haji merasakan kalau MAS sendiri yang dibantu oleh kerajaan menghadapi keadaan kelam-kabut dalam pentadbiran dan tidak beres dalam usaha menyelaraskan penyertaan berbagai kaum pada ketika mula dilancarkan, maka tidak mustahil keadaan yang sama boleh berlaku kepada kapal haji. Tetapi pihak kapal haji percaya, kalau MAS akhirnya dapat mengatasi masalahnya secara beransur-ansur, maka ia juga boleh mengatasi segala masalah secara beransur-ansur.

Pemuda UMNO mengetahui tentang masalah dan rintangan yang dihadapi. Tetapi apa yang dikehendaki oleh mereka ialah perkara yang berjalan dengan tidak teratur itu sepatutnya tidak menjadi alasan dan tidak menjadi perkara yang mesti kepada semua pertubuhan. Kalau kelemahan dan kepincangan berlaku dalam MAS, ia tidak sepatutnya mesti berlaku pula kepada kapal haji. Kalau MAS dan kapal haji berdepan dengan kelemahan, jangan hal ini akan menjadi kelemahan pula kepada badan-badan lain.

Datuk Harun dengan kawan-kawannya menegur perkara-perkara itu bukan mahu menjatuhkan Datuk Senu yang ada hubungan dengan kapal haji

atau mahu menjatuhkan Tun Sardon, tetapi sekadar mahu mengamalkan sikap tegur-menegur untuk kebaikan bersama.

Dan satu muslihat lagi ialah Pemuda UMNO mahu memisahkan UMNO dengan badan-badan yang dilibati oleh orang UMNO. Seperti kes kapal haji itu, meskipun ia perniagaan yang diselenggarakan oleh orang-orang yang kebetulan menjadi pemimpin UMNO, maka ia haruslah dikira sebagai kelemahan badan itu sendiri. Tetapi UMNO tidak ada kena mengena dengan perkara itu.

Dengan demikian masyarakat umum tidak akan membuat buruk sangka terhadap parti. Orang yang tidak puas hati dengan kapal haji, akan menumpukan pandangannya kepada kapal haji. Jadinya mereka tidak akan membabitkan UMNO dan tidak akan menjadikan kelemahan kapal haji itu sebagai kelemahan UMNO.

Hal ini menimbulkan perselisihan sesama sendiri. Tetapi ternyata pemimpin-pemimpin yang ber selisih itu dapat mengatasinya. Datuk Harun selepas itu tidak pula menunjukkan dia memusuhi pemimpin-pemimpin itu. Dia tidak mengugut agar Datuk Senu dikeluarkan daripada Setiausaha Agung UMNO. Dia menegur pentadbiran kapal haji yang di bawah urusan Datuk Senu. Sehingga sekarang Datuk Harun terus menghormati Datuk Senu dan Datuk Senu sendiri mempunyai pandangan yang tinggi terhadap Datuk Harun. Ertinya Datuk Harun cuba mengamalkan politik liberal, menegur ketika perlu, dan bekerjasama dengan sesiapa saja dalam kerja-kerja kebajikan.

Imej Pemuda UMNO terus menjadi perhatian bila ia memperjuangkan perlaksanaan penyusunan semula masyarakat dalam beberapa badan berkanun yang didapati kurang benar penyertaan Bumiputera. Badan-badan seperti MAS, EPF, RRI dan sebagainya.

Apakah kerana ada permainan yang tidak menggalakkan Bumiputera berkhidmat di situ, atau Bumiputera sengaja tidak berminat untuk berkhidmat di situ, tidak mudah untuk diperkatakan. Tetapi keadaan nampaknya terbiar dan menimbulkan kepincangan. Keadaan ini menyebabkan orang Melayu mengira badan-badan itu anti-Melayu. Tidak ada yang benar-benar arif untuk membuat kesimpulan. Tetapi kalau dibiarkan, sudah pasti ia menjadi bahan perbualan yang membawa racun.

Cara untuk menghindarkan sebarang pandangan buruk terhadap badan-badan yang komposisi pekerjanya begitu ialah dengan membetulkan kedudukannya. Tuntutan agar dibenarkan pekerja-pekerjanya terdiri dari semua kaum, sekurang-kurangnya ada penyertaan aktif Bumiputera terpaksa diperjuangkan. Ia bukan semata-mata untuk melaksanakan kemahuan Dasar Ekonomi Baru, tetapi adalah untuk memastikan bahawa setiap kaum yang ada dalam negeri turut serta dalam memelihara dan memajukan setiap agensi kerajaan.

Teguran-teguran Datuk Harun dan Pemuda UMNO ini selalu menjadi perhatian. Nama Pemuda UMNO menjelma kepada satu imej yang tersendiri sehingga ia ditakuti oleh banyak pihak.

Banyak badan swasta yang tidak tertarik dengan

kehendak Dasar Ekonomi Baru kerajaan tidak menyukai langkah-langkah yang diambil oleh Datuk Harun. Tetapi badan-badan itu sama ada ia swasta atau separuh kerajaan tidak pula bersedia untuk berbuat apa-apa bagi membaiki keadaan. Tidak ada langkah-langkah dibuat terlebih dahulu. Kalau Pemuda UMNO tidak mengadakan teguran-teguran, maka scolah-olah tidak mungkin ada perubahan.

Keadaan seperti ini menyebabkan keyakinan orang ramai kepada Pemuda UMNO kian baik. Di mana-mana juga ada soal penindasan dan rasa tidak puas hati, orang akan segera menghubungi Pemuda UMNO dan Pemuda UMNO tidak pula teragak-agak untuk membuat penyiasatan. Kiranya soal yang ditimbulkan itu benar, maka tindakan akan diambil oleh Pemuda UMNO.

Sebagai badan yang sudah bertunjang di tengah-tengah rakyat, maka penglibatannya tidak sekadar dalam politik semata-mata. Anggota-anggota Pemuda UMNO bergiat dalam apa juga badan lain dan dengan demikian dakwah Pemuda UMNO itu dapat disalurkan.

Gerakan Belia 4B yang ditubuhkan di setiap ceruk rantau adalah badan yang sentiasa menyokong Pemuda UMNO. Demikian juga dengan kumpulan silat gayung.

Apakah badan-badan ini dibuat untuk menyokong Datuk Harun? Mungkin hal ini juga ada. Tetapi yang pokok Pemuda UMNO dan Datuk Harun suka berdamping dengan badan-badan itu. Badan-badan itu pula suka merapati Datuk Harun kerana mereka mudah mendapat pertolongan dan bantuan. Memberi bantuan mungkin satu cara orang politik

untuk memikat orang ramai. Tetapi orang ramai tentu tidak salah berbaik-baik dengan orang politik yang tahu kehendak mereka dan sanggup memberi apa yang mereka mahu. Dan bukankah politik itu sendiri adalah untuk kebaikan orang ramai?

Dengan demikian mudah pula Pemuda UMNO meneroka penglibatan dalam bidang ekonomi. Satu daripada kejayaan besar yang diusahakan ialah Syarikat Insurans TALASCO. Perkataan TALASCO itu datangnya daripada 'Tahan Lasak Company'. Tahan lasak ialah istilah politik Pemuda UMNO yang diketengahkan oleh Datuk Shariff Ahmad.

Talasco bergiat di seluruh negara. Ia belumlah dapat diukur sama ada akan tahan lama atau tidak. Yang nyata perniagaannya berkembang. Berapa lama ia akan hidup tidak dapat diketahui.

Tetapi ternyata Pemuda UMNO berjaya menujuhkan syarikat insurans yang sebelum ini tidak dapat dikendalikan oleh orang-orang Melayu. Dan sekarang Talasco adalah syarikat insurans orang Melayu yang berjuang di tengah-tengah perusahaan syarikat insurans lain. Masa depan Talasco terpuLanglah kepada orang-orang Melayu. Kiranya orang Melayu berkehendakkan syarikat insuransnya maju, sokongan patut diberi.

Yang paling pokok dalam perkara ini ialah Pemuda UMNO telah meletakkan satu asas yang harus dipelihara. Pemuda UMNO bukanlah hidup untuk menjayakan Talasco. Ia mempunyai tugas politik tersendiri. Sesudah Talasco ditubuhkan, patutlah Talasco berjalan sendiri dan Pemuda UMNO boleh meneruskan kegiatan lain yang tidak pernah habis itu.

Keyakinan orang ramai kepada kekuatan pimpinan Datuk Harun ini juga menyebabkan sokongan bulat diberikan oleh rakyat untuk memimpin Bank Rakyat.

Bank Rakyat sehingga ini adalah sebuah bank yang dimodali 100 peratus oleh nelayan dan petani Melayu. Ia berjaya mendapat kedudukan nombor lapan dalam senarai perusahaan termaju di negara ini dengan kumpulan harta \$300 juta. Bank ini bukan kepunyaan Pemuda UMNO, tetapi imej yang ditunjukkan oleh Datuk Harun dalam Pemuda UMNO menyebabkan pelabur dalam dan luar negeri sanggup menanam modal.

Orang ramai yang sudah menaruh keyakinan kepada Pemuda UMNO itu terus melihat projek-projek perusahaan yang dijalankan oleh UMNO Selangor. Orang-orang UMNO membuka berbagai-bagi syarikat yang tidak perlu dinyatakan satu persatu. Tetapi ia melibatkan diri daripada perusahaan kedai runcit, teksi hingga kepada syarikat perfileman.

Kemudahan untuk menjalankan perniagaan ada di mana-mana kalau ia bersandarkan kepada Pemuda UMNO. Kerjasama mudah diberi oleh banyak pihak kalau di belakang perusahaan itu ada Pemuda UMNO. Ini adalah suatu perkara yang menakjubkan banyak pihak. Meskipun kemudahan-kemudahan itu banyak terdapat di negeri Selangor, tetapi masyarakat di luar Selangor memberi perhatian. Mereka datang untuk menimba ilham.

Orang Melayu Pulau Pinang yang bergelut dengan soal hidup masa depan itu sangat bercita-cita kalau mereka berjaya mendapat seorang Datuk

Harun. Mereka bermimpi tentang masa depan yang cerah kalau mereka ada Datuk Harun sendiri.

Bayangan ini mungkin keterlaluan, tetapi itulah imej yang dapat diketengahkan oleh Pemuda UMNO sejak ia dipegang oleh Datuk Harun.

Justeru itu badan-badan lain tidak merasa senang dengan pengaruh Pemuda UMNO yang kian meninggi itu. UMNO sendiri merasakan bahawa imej Pemuda UMNO sudah mengatasinya. Pemuda UMNO sudah tidak dapat disekat-sekat daripada mencari bidang kemajuan baru dari semasa ke semasa. Kalangan-kalangan UMNO merasa takut bawa tempoh kepesatan Pemuda UMNO itu nanti boleh mengancam kedudukan UMNO sendiri.

UMNO seolah-olah merasakan Pemuda UMNO sudah mahu menelannya. Atau mungkin berlaku pemisahan kiranya UMNO sudah tidak dapat mengikut kelajuan Pemuda itu. Oleh yang demikian terdapat amaran-amaran daripada pemimpin-pemimpin UMNO terhadap perjuangan Pemuda UMNO.

Pemuda UMNO terpaksa diingatkan untuk meletakkan kepentingan dan perpaduan parti lebih utama daripada segala-galanya, dan Pemuda UMNO diingatkan supaya jangan menjadi parti di dalam parti.

Ingatan-ingatan seperti ini munasabah dibuat. Tetapi ia tidak harus dilakukan kerana cemburukan ketokohan yang ada pada pemimpin-pemimpin pemuda.

Krisis mula berlaku dalam UMNO berikutan dengan populariti Pemuda UMNO ini. Datuk Harun

nampaknya terlalu besar untuk dihadapi oleh pemimpin-pemimpin UMNO. Walaupun beliau mula-nya mahu memimpin untuk satu jangka waktu yang pendek saja, tetapi Pemuda UMNO sudah merasakan tempoh pimpinannya harus diperpanjangkan. Dia tidak dibenarkan berundur. Dia sudah tidak banyak kuasa untuk menyerahkan pucuk pimpinan itu kepada Datuk Musa.

Datuk Musa pula mengusahakan satu cara untuk mengekalkan pimpinan Datuk Harun itu. Di-sebalik dia dijangka mengambil alih pucuk pimpinan dan meninggalkan Datuk Harun mencari regu lain.

Tuduhan-tuduhan terus dibuat bahawa Datuk Harun tidak memberi peluang kepada Datuk Musa. Tuduhan itu sama seperti yang dibuat terhadap Tunku tidak mahu bersara daripada Perdana Menteri kerana tidak mahu memberi peluang kepada Tun Razak.

Apakah tuduhan itu tepat, Datuk Musa dan Pemuda UMNO saja yang dapat memberi penjelasan. Datuk Harun tidak terdaya untuk membuat jawapan tepat. Tetapi soalnya ialah Pemuda UMNO sendiri merasakan pimpinan Datuk Harun tidak patut ditamatkan semata-mata kerana untuk memberi peluang kepada orang lain.

Soal memberi peluang tidak timbul dalam politik. Orang ramai mahukan satu perkhidmatan yang paling baik. Seorang yang sudah berjaya memberikan kepuasan harus diberi kesempatan meneruskan khidmatnya. Sehingga itu Pemuda UMNO merasakan Datuk Harun masih bertenaga. Apa salahnya tenaga itu digunakan selagi ia boleh memberi kebaikan.

Rasa sangsi banyak pihak terhadap Datuk Harun tidak melemahkan keyakinan Pemuda UMNO terhadap pimpinannya. Pucuk pimpinan cuba menyingkirkan Datuk Harun melalui proses demokrasi dalam tahun 1974. Tahun itu Datuk Musa meninggalkan badan itu, tetapi Datuk Samad Idris telah dikemukakan sebagai calon untuk menentang Datuk Harun.

Allahyarham Tun Razak telah digunakan untuk menyingkirkan Datuk Harun. Usaha itu gagal. Datuk Harun terus menang. Dan dia terus menjadi pujaan.

Akhirnya dia diminta pergi ke Bangsa-bangsa Bersatu. Tujuannya ialah untuk memisahkannya daripada politik Pemuda UMNO. Datuk Harun enggan pergi dan Pemuda UMNO menyatakan sokongan mereka terhadap langkah Datuk Harun itu. Suara mereka sempat didengar di Dewan Bahasa dan Pustaka dalam Sidang Khas Pemuda UMNO bulan Disember, 1975.

Mereka tidak memberarkan Datuk Harun dipisahkan. Sebarang keputusan yang memisahkan Datuk Harun daripada badan itu haruslah dirujukan kepada mereka dulu. Bila Datuk Harun disingkirkan daripada UMNO amanat sidang khas itu tidak terlaksana. Mengapa?

Sejarah Datuk Harun dalam Pemuda UMNO mencapai kemuncak. Belum pernah Pemuda UMNO mencapai kegemilangan yang begitu tinggi. Pemuda UMNO disegani dan ternyata berjaya menjadi satu tenaga yang paling dinamik dalam negara.

Dengan sendirinya dalam masa lima tahun dibawah pimpinan Datuk Harun peranan Pemuda

UMNO bertukar daripada peranan berbaris untuk memberi tabik penghormatan kepada pucuk pemimpin parti yang melawat mereka kepada tenaga politik yang gigih, gagah dan menggigit.



Datuk Harun Idris

Ketua Pemuda UMNO yang kelima, 1971–1976



Datuk Harun sedang berpidato dalam Perhimpunan Agung Pemuda



Harun dan Mahathir



Harun dan Musa



Harun dan Senu



Harun bersama Wanita UMNO



Harun meninggalkan rumah untuk menyerah diri kepada polis

SELEPAS DATUK HARUN

Pemuda UMNO selepas ketiadaan Datuk Harun dan Datuk Musa Hitam hampir tidak punya peranan yang nyata. Badan itu sering ditanya atas dua perkara:

Pertama, siapa yang akan memimpin pertubuhan itu selepas Datuk Harun?

Dan kedua, hendak ke mana pula Pemuda UMNO selepas ketiadaan Datuk Harun?

Pertanyaan pertama sudah timbul sejak beberapa waktu dulu, istimewa menjelang Perhimpunan Agung UMNO Jun 1975 apabila Datuk Harun bertanding untuk merebut jawatan Naib Presiden.

Pertimbangan pada ketika itu banyak berkisar antara Datuk Musa dan Dr. Mahathir. Kedua tokoh ini selain daripada rapat dengan Datuk Musa dan Pemuda UMNO, adalah yang memahami dan di terima oleh badan itu. Tokoh-tokoh mungkin timbul, tetapi orang ramai tidak nampak adanya sesiapa yang lebih sesuai yang dapat mengimbangi imej yang sudah ditunjuk dan disemaikan semasa pim pinan Datuk Harun itu.

Adalah tidak dapat dinafikan pimpinan Datuk Harun dan Datuk Musa Hitam telah mengubah sama sekali corak perjuangan Pemuda UMNO sehingga ia benar-benar dapat menjadi tulang belakang atau tenaga barisan hadapan UMNO.

Asas yang diletakkan oleh Datuk Harun itu sememangnya sudah kukuh. Datuk Harun dan Datuk Musa meletakkan asas yang kuat dalam politik dan mulai meneroka kegiatan ekonomi. Perhatian badan itu dalam isu-isu seperti MAS, EPF dan sebagainya seperti yang telah disebutkan dalam bab 'Zaman Datuk Harun' adalah bukti nyata betapa dinamik dan hidupnya perjuangan badan itu.

Soal yang pertama itu ditanya adalah untuk memastikan bahawa perjuangan yang dinamik dan sesuai dengan kehendak mengimbangi keadaan politik parti dan negara.

Perhatian diberi kepada Pemuda UMNO adalah semata-mata badan ini adalah badan yang menjadi barisan hadapan UMNO dan satu daripada unit politik yang terpenting bagi negara ini.

Peranan Pemuda UMNO sebagai sebuah pergerakan politik adalah sama dengan mana-mana pertubuhan politik juga iaitu untuk memastikan kekuasaan ada dalam tangannya.

Dalam keadaan sekarang tidak ada badan politik lain dalam negara ini yang lebih penting dari pada badan ini kerana ia adalah badan yang dapat berhubung terus dengan parti yang berkuasa iaitu UMNO.

Pemuda UMNO mempunyai pengaruh tertentu dalam UMNO dan ia dirasakan terus mempunyai

peranan yang sama pentingnya buat masa akan datang. Kita tidak nampak dalam waktu yang singkat ada badan politik lain yang mampu mengambil alih kuasa politik negara ini selain daripada UMNO. Selagi kemungkinan UMNO itu tidak mungkin digantikan, maka selama itulah peranan Pemuda UMNO itu penting sesuai dengan kehendak Allah-yarham Datuk Onn mengapa badan itu mesti ditubuhkan dalam tahun 1949.

Ketika itu Datuk Onn mahukan badan itu untuk memperkuatkan kedudukan UMNO. Memperkuatkan kedudukan itu harus ditafsirkan secara rasional. Kalau memperkuat kedudukan UMNO itu diertikan bahawa Pemuda UMNO mesti mengiakan segala keputusan UMNO dan menjalankan segala yang diperintahkan oleh badan itu, maka pengertian itu adalah sempit. Datuk Onn tentunya tidak bermaksud demikian bila dia mengarahkan agar badan itu ditubuhkan.

Memperkuat kedudukan UMNO itu hendaklah ditafsirkan sebagai membuat apa saja untuk memastikan UMNO kuat dan bergerak mengikut landasan yang tepat dan tegas.

Untuk tujuan itu selain daripada berbaris dan bersilat ketika menyambut pemimpin tiba, Pemuda UMNO juga harus mampu menegur dan membetulkan sesuatu yang tidak kena pada UMNO. Kiranya UMNO sudah menyeleweng atau menghadapi krisis, Pemuda UMNO harus tampil membuat pembetulan dan mengemukakan cadangan-cadangan yang baik bagi mengatasi masalah-masalahnya.

Datuk Harun dan Musa sudah mengubah peranan berbaris, menampal poster dalam masa pilihan-

raya, menegakkan pentas bila ada rapat umum kepada peranan yang lebih hidup iaitu mengadakan perbincangan-perbincangan politik, menganalisa perkembangan politik, sosial dan ekonomi, merangka program perjuangan yang lebih teratur supaya ia sesuai dengan kemajuan yang dicapai oleh badan-badan politik pemuda dunia luar.

Apa yang berjalan selama lima tahun itu adalah kira-kira selari dengan kemahuan Datuk Musa Hitam yang satu ketika dulu tertarik kalau pemuda itu 'bersikap kurang ajar' dalam ertikata yang lebih luas dan liberal.

'Kurang ajar' yang dimaksudkan oleh Datuk Musa tentulah tidak memaki hamun dan memfitnahkan orang lain atau berjalan tidak berbaju dan berseluas di jalan-jalan raya. Kurang ajar itu ialah supaya sanggup membangkang sesuatu yang tidak betul yang dicakapkan oleh pemimpin atau orang tua dalam UMNO.

Perjuangan regu Harun-Musa tadi sudah jauh berubah daripada perjuangan di bawah Tun Sardon dan Datuk Senu yang lebih banyak mengiakan kemahuan pemimpin.

Oleh yang demikian mengapa ganti Datuk Harun itu ditanya dulu ialah untuk memastikan bahawa dasar dan landasan yang diletakkan selama lima tahun kekuasaannya dapat diteruskan.

Pemuda UMNO mungkin sudah punya program perjuangan. Apakah program itu boleh diteruskan walau siapa juar yang memimpin badan itu?

Program perjuangan atau lebih jelas ialah manifesto, boleh menjadi garis panduan kepada seba-

rang perjuangan. Tetapi personaliti atau pucuk pimpinan juga penting dalam menentukan bergerak atau tidaknya program tadi. Personaliti yang tidak kukuh dan tidak berpengalaman serta tidak berpendirian tidak mungkin menggerakkan sebuah pertubuhan walau bagaimana lengkap dan sempurna program itu sekalipun.

Itulah sebabnya orang bertanya siapa yang akan menggantikan Datuk Harun sebagai Ketua Pemuda.

Mengapa orang bertanya, lojiknya, adalah untuk menentukan apakah program atau lunas yang ada itu dapat berjalan terus. Dan itulah sebabnya orang mencari orang-orang yang layak untuk menggantikan Datuk Harun.

Soalan itu terus menjadi lebih menarik ialah adanya *performance* yang begitu dinamik dan gemilang yang ditunjukkan oleh Datuk Harun dan rakan-rakannya, sehingga orang kurang yakin pemimpin lain mungkin mampu melakukan seperti apa yang diupayakan oleh Datuk Harun itu.

Dan kiranya jawapan yang dua tahun sebelumnya berlaku, ertiinya Pemuda UMNO dipimpin oleh salah seorang antara Dr. Mahathir dan Datuk Musa Hitam, maka tidak banyak yang diragukan tentang dinamiknya pergerakan itu. Keyakinan itu dibuat kerana watak yang ada pada kedua pemimpin itu.

Sekarang soalan itu timbul dan ditambah pula dengan satu pertanyaan lagi iaitu pertanyaan kedua: hendak ke mana Pemuda UMNO selepas Datuk Harun?

Pertanyaan ini dibuat sesudah orang berpendapat perjuangan *style* Datuk Harun itu tidak dike-

hendaki oleh UMNO pimpinan 'orde baru' ketika itu. UMNO pimpinan 'orde baru' ketika itu tidak suka perjuangan yang dinamik dan tidak suka orang mengkritik.

Pimpinan orde baru nampaknya lebih suka Pemuda UMNO kembali kepada zaman di bawah pimpinan Tun Hussein Onn, Sardon dan Senu yang submisif. Orde baru takut perjuangan Pemuda UMNO yang dinamik akan menelurkan satu keadaan 'parti dalam parti' atau mungkin juga menjadi punca pembentukan sebuah parti yang lain.

Tetapi yang dilupai oleh setengah orang ialah betapa perlombagaan UMNO sendiri sudahpun menyediakan bahawa Setiausaha Agung UMNO itu adalah juga menjadi Setiausaha Agung Pemuda. Setiausaha Agung yang satu bagi semua sayap UMNO ini adalah satu helah untuk mengelakkan kemungkinan berpecah walaupun adanya perpecahan dan keadaan bersatu — bin ika tunggal ika.

Inilah pertanyaan yang harus dijawab oleh Pemuda UMNO ketika itu yang laksana anak ayam kehilangan ibu. Hendak ke manakah Pemuda UMNO? Dan apakah tugasnya terhadap politik parti dan politik negara? Atau adakah ia harus melibatkan diri dalam '*intrigue*' yang diingatkan oleh Datuk Musa itu atau ia harus menjadi tenaga penggerak yang boleh menjadikan badan itu sebuah badan yang gagah, gigih dan garang yang disegani oleh negara dan dunia?

Suatu yang nyata yang harus dihadapi oleh Pemuda UMNO ialah tentang wujudnya krisis dan kucar-kacir dalam UMNO ketika itu. Apakah krisis itu harus dibiarkan dan kemudiannya melumpuh-

kan kalaupun tidak menghancurkan UMNO itu sendiri?

Pemuda UMNO terpaksa menentukan sikap. Ia mesti timbul ke tengah bagi menyelesaikan krisis kepercayaan dan krisis pimpinan yang ada dalam parti itu. Pemuda dapat berbuat demikian dengan terlebih dahulu meletakkan matlamat perjuangan yang kukuh dan konkret. Ia patut tahu apa yang patut dibuat dan apa yang tidak patut dibuat.

Untuk tujuan itu Pemuda UMNO mesti menjawab soalan pertama tadi iaitu siapakah ketua baru yang bakal menggantikan Datuk Harun ketika itu.

Jawapannya ialah seorang yang benar-benar tahu A.B.C. UMNO dan A.B.C. politik. Pilihan yang ada di hadapan Pemuda ialah antara Datuk Muhamad Rahmat dan Tan Sri Jaafar Albar. Siapakah yang patut dipilih antara mereka?

Pemuda harus memikirkan siapakah yang lebih matang dan siapakah yang lebih berani dan siapakah yang paling kurang kepentingannya untuk menghadapi risiko yang berbagai-bagai itu?

Setiap orang patut bertanya apakah kemampuan Datuk Muhamad dan apakah yang tidak mampu dilakukannya? Dan apakah pula yang mampu dilakukan oleh Tan Sri Albar dan apa pula yang tidak mampu dilakukannya?

Apakah Datuk Muhamad Rahmat terdaya untuk menghadapi dan berhujah dengan Tun Hussein Onn dan Dr. Mahathir? Beranikah Datuk Muhamad bertahan kalau disergah oleh Tun Hussein? Soalan yang sama juga patut dibuat terhadap Tan Sri

Albar. Dapatkah dia menghadapi Tun Hussein Onn Perdana Menteri ketika itu?

Dan satu soal lagi yang perlu ditimbangkan ialah mampukah Datuk Muhamad untuk menolong menyelesaikan krisis yang ada? Dan bagaimana pula kemampuan Tan Sri Albar?

Pemuda UMNO terpaksa hati-hati dalam menentukan kepastiannya. Seorang perwakilan tidak harus memberikan undi kepada calon itu kerana jasanya yang membolehkan dia memperoleh kemudahan-kemudahan bermiaga atau mendapatkan kelulusan sesuatu. Seorang wakil dari Terengganu umpamanya tidak patut memilih calon tertentu kerana calon itu pernah menyokong permohonannya untuk meminjam bantuan daripada MARA atau Bank Bumiputra.

Hal itu telah pun diterangkan oleh Datuk Musa yang beliau tidak suka dengan cara memberi lesen dan sebagainya bagi mendapatkan undi. "*Unethical*", kata Datuk Musa dalam kenyataannya ketika menarik diri daripada pencalonan.

Kiranya perwakilan yang datang ketika itu mengira apa yang dia boleh dapat daripada calon, alamatlah Pemuda UMNO akan hancur dan berdepan hari lembiknya. Seorang wakil harus melihat sesuatu dalam perspektif yang lebih luas dan jauh. Apa yang parti dan negara boleh dapat daripada pemilihan seorang calon dan apa yang dasarnya tentang sesuatu masalah.

Pemuda UMNO mesti menyambung apa yang sudah diasaskan oleh Datuk Harun dan Datuk Musa sebelumnya kiranya ia mahu menjadi sebuah badan

yang berguna kepada parti, bangsa dan demokrasi.

Dalam soal ini umur seseorang tidak menjadi pertimbangan pada saat itu. Yang pokok ialah Pemuda UMNO mesti mampu hidup dalam dunia politik yang bertamadun.

Pada dasarnya, calon yang ada itu tidak semestinya sama cekap dan sama handal dengan Datuk Musa dan Datuk Harun. Tetapi dia mestilah orang yang dapat membawa Pemuda UMNO ke alam yang lebih luas yang tentunya tidak mungkin pula memisahkan Pemuda UMNO daripada badan induknya.

Demi kepentingan masa depan politik negara, politik Pemuda UMNO patut dipelihara. Untuk itu ia mesti menentukan pimpinannya tahu semua soal politik dan UMNO, pandai memilih apa yang patut disokong dan apa yang patut ditegur, dan dia mestilah dihormati oleh kawan dan lawan, dan paling pokok kiranya Pemuda UMNO percaya bahawa komunis itu musuh negara hendaklah ia memikirkan seorang yang tidak mungkin dapat dipermankan oleh anasir-anasir komunis.

Dan kalau ia mahu hidup seperti zaman lama, carilah seorang yang tidak berani menjawab sebarang yang diarahkan, sedia membenarkan segala perbuatan pucuk pemimpin meskipun sesuatu yang salah, dan yang tidak suka buat kacau dengan mana-mana pihak.

Pemuda UMNO tidak punya banyak pilihan: hilang atau terbilang.

SIKAP DATUK MUSA HITAM

Pemecatan atau penyingkiran ke atas Datuk Harun Idris daripada UMNO sepatutnya tidak akan menimbulkan masalah dalam mencari seorang pengganti bagi Ketua Pergerakan Pemuda UMNO.

Datuk Musa Hitam yang pernah menjadi Naib Ketua dan pernah menjadi teman seperjuangan Datuk Harun ada. Dia seolah-olah sudah disediakan oleh keadaan untuk menjadi Ketua yang baru.

Itulah sekurang-kurangnya harapan kebanyakan politikus muda walaupun *politicking* Datuk Musa sentiasa dibincang dan diperkatakan. Tetapi sudah ditakdirkan Datuk Musa menarik diri. Sambil itu dia melepaskan satu kenyataan yang terlalu berani dan berterus-terang yang rasanya terlalu pahit untuk ditelan oleh penganjur-penganjur UMNO ketika itu.

Kenyataan itu (dilampirkan dalam buku ini) patutlah dikaji oleh ahli-ahli UMNO dan penganjur-penganjur patut mengambil berat dan membersihkan kecaman Datuk Musa itu. Kenyataan itu tentunya akan dicatatkan dalam sejarah parti. Dia sendiri dikira orang yang berterus-terang kerana berani melepaskan kecaman yang berunsur '*'self-criticism'*'

atau mengkritik diri sendiri.

Bila Datuk Musa menarik diri daripada perlumbaan itu, ada yang menyangka itu cuma satu taktik sahaja. Dia mahu menguji kekuatannya dalam Pemuda UMNO yang ditinggalkannya dalam tahun 1974 lalu, ada orang berkata.

Kerana itu desakan terus dibuat. Pemuda-pemuda UMNO negeri menghantar telegram kepadanya yang menjadi Menteri Perusahaan Utama ketika itu. Semua senada: mahukan dia bertanding.

"Datuk Musa adalah tokoh yang paling layak memimpin Pemuda UMNO sekarang," tambah mereka. Nyata bahawa kekuatan Datuk Musa dalam pergerakan itu agak berakar. Boleh dikatakan sebilangan besar daripada 114 Bahagian di seluruh Semenanjung mengemukakan nama Datuk Musa sebagai calon. Antara tujuh nama yang diterima oleh ibu pejabat UMNO, nama Datuk Musa paling atas. Paling popular.

Tan Sri Syed Jaafar Albar yang juga dicalonkan dan yang sudah 62 tahun itu juga mahu Datuk Musa bertanding. Sehari selepas Datuk Musa membuat pengumuman di Johor Bahru awal Mei 1976, Tan Sri Albar terus menelefon Datuk Musa. Hampir satu jam dua orang tokoh senegeri itu berbual. Tan Sri Albar sendiri merasakan Datuk Musa adalah tokoh yang paling layak mengepalai pergerakan tersebut sesudah Datuk Harun disingkirkan daripada UMNO. Tokoh veteran yang lebih dikenali sebagai 'Singa UMNO' itu semacam tidak percaya dengan keputusan yang diambil oleh Datuk Musa itu. Dia mahu Datuk Musa menarik semula pengumuman itu dan terus bertanding.

Tetapi Datuk Musa tegas orangnya. Itu bukan taktik, tetapi adalah sikap. Dia tetap dengan keputusannya: tidak mahu bertanding.

Bagi Datuk Musa, penyertaannya dalam perlumbaan merebut jawatan ketua itu '*unethical*'. Dua sebab diberikannya. Pertama usianya sudah 42 tahun, dua tahun lebih daripada had umur seorang anggota Pemuda kecuali Ketua utama. Dia merasa dia sudah lebih umur. Biarlah badan itu dipimpin oleh orang-orang yang benar-benar muda dalam erti kata usia itu sendiri. Kedua, dia tidak mahu menjadi mangsa *clique* yang menular dalam parti sekarrang.

Keputusannya menimbulkan berbagai pendapat. Musuh-musuh politiknya merasakan Datuk Musa merajuk. "Dia mahu menjaga nama baik dan kedudukannya," kalangan yang lain berkata. Pendek kata macam-macam komen dibuat.

Alasan Datuk Musa itu ada baiknya diutarakan supaya ia boleh difikirkan bersama oleh ahli-ahli UMNO. Selama ini tidak ada orang yang berkedudukan tinggi seperti itu mahu mendedahkan hal yang boleh membahayakan demokrasi dan keutuhan UMNO.

Tetapi alasan umur tidak patut dijadikan satu hal yang terlalu besar sehingga tidak mungkin ditimbangkan langsung untuk menyertai pertandingan itu. Soal umur penting. Tetapi dalam keadaan-keadaan tertentu, umur boleh jadi perkara yang kecil.

Soal besar yang harus ditimbangkan oleh setiap anggota UMNO ialah perlunya Pemuda UMNO di-

pimpin ke arah satu perjuangan yang boleh meletakkan pergerakan itu ke satu martabat yang tinggi yang boleh dihormati oleh orang ramai dan sejarah.

Kiranya dalam sesebuah badan itu ada yang lebih layak, maka munasabahlah seorang yang kurang layak melepaskan pimpinannya.

Tetapi kalau perkhidmatan seseorang itu diperlukan, meskipun dia sudah lanjut usianya seperti Mao Tzetung, adalah munasabah dia meneruskan pimpinan atau mengambilalih pimpinan demi kepentingan umum.

Benar soal umur penting, tetapi yang lebih penting ialah kemampuan seseorang. Mungkin ada orang di bawah 40-an sudah layak, tetapi apakah mereka lebih layak daripada Datuk Musa. Memang benar akar boleh digunakan untuk mengikat sesuatu, tetapi munasabahkah kita menggunakan akar dan membiarkan rotan untuk jadi alat perhiasan?

Oleh yang demikian UMNO sudah pun membuat peruntukan yang jelas dalam perlumbagaannya untuk membolehkan orang-orang yang lebih daripada 40 tahun menjadi Ketua Pergerakan Pemuda. Tetapi orang yang lebih 40 tahun itu biarlah muda pada perjuangan dan semangat meskipun tua pada usia. Hal ini lebih bererti daripada muda pada usia tetapi terlalu tua pada semangat sehingga tidak dapat diikut oleh para pemuda.

Soal *intrigue* atau tipu helah yang ditimbulkan oleh Datuk Musa juga bukan satu perkara baru. Cuma baru sekarang sahaja dia berani berterus-terang.

Kita masih ingat lagi sewaktu Datuk Harun di-

tentang oleh Datuk Samad Idris bekas Timbalan Menteri Dalam Negeri dalam pertandingan tahun 1973, nama Tun Razak digunakan oleh orang-orang yang rapat untuk mempengaruhi ahli-ahli pergerakan itu.

"Tun Razak mahu Datuk Samad menjadi Ketua Pemuda yang baru," demikian kempen yang berjalan rancak tetapi tidak diisyiharkan secara umum itu. Taktik kotor yang semacam inilah yang mahu dijauhi oleh Datuk Musa. Dia tidak mahu dituduh Tun Hussein yang menyuruh dia bertanding. Datuk Musa adalah orang yang mampu bertapak sendiri tanpa sokongan daripada orang lain.

Soal-soal keluarga dan *private life* seseorang tokoh juga sering didedahkan kiranya dia didapati boleh mengancam calon yang disokong oleh orang-orang tertentu. Pendedahan itu kadang-kadang berlarutan sehingga benda yang bukan-bukan turut ditimbulkan. Golongan serupa itu sanggup berbuat apa sahaja asalkan musuh mereka jatuh.

Inilah yang paling ditakuti oleh Datuk Musa bila dia bercakap tentang *intrigue* dan *unethical*. Perkara itu benar berlaku, kalau tidak masakan dia mahu bersuara lantang begitu. Dia tahu ada orang yang marah. Tetapi Datuk Musa ini orang yang pantang dicabar.

Datuk Musa lebih cenderung mendebatkan soal yang besar-besar. Soal dasar, misalnya, termasuklah untung rugi mengadakan hubungan dagang dengan EEC atau RRC. Begitu juga hal pentingnya mempelawa lebih ramai pelabur asing ke negara ini.

Intrigue pada keseluruhannya adalah satu soal

yang besar. Tapi soal-soal yang ditimbulkan dalam *intrigue* itu tidak sebesar *intrigue* seluruhnya. Kalau mahu dijawab satu persatu tentulah membuang masa. Misalnya tentang *private life* seseorang atau hal-hal lain yang berkaitan dengan kekeluargaan. Kalau perkara itu mahu didebatkan, masa yang panjang diperlukan. Daripada menjadikan ia sebagai polemik, ada baiknya ia dihadapi secara sendirian sahaja.

Datuk Musa suka berpolemik. Tapi bukan tentang soal remeh-temeh. Dia lebih suka kalau sesuatu perbincangan itu dapat mengembangkan alam intelektualisme rakyat terbanyak. Daripada membuang masa dan tenaga, baik membuat kerja-kerja lain yang penting.

Dia punya tugas yang lebih penting. Dan Datuk Musa telah membuktikan kemampuannya menghadapi tugas itu dengan gigih. Ketika itu Datuk Musa banyak bercakap dengan stok penimbang getahnya. Ada baiknya perkara itu diberi perhatian serius olehnya daripada melibatkan diri dalam kancang politik kotor yang dimainkan oleh beberapa orang yang tamak kuasa.

Ada lebih baik kalau stok serupa itu diperbaikan kempennya. Kiranya berjaya, Datuk Musa akan menyenangkan sebilangan besar penduduk luar bandar yang kehidupan mereka bergantung pada pokok getah. Namanya akan dikenang, sentiasa harum dan bermain di bibir setiap orang.

Atau adalah lebih berfaedah terbang ke Tokyo atau New York untuk mengajak lebih ramai pelabur luar melabur modal di negara ini. Ekonomi

subur, negara makmur. Dan Datuk Musa punya jasa yang sukar dilupakan.

Kalau dia terlibat dengan politik beli undi namanya akan kotor. Dia tidak punya wang atau kekayaan untuk berbuat demikian. Dia juga tidak punya kemampuan untuk mengagih-agihkan lesen-lesen tertentu kepada golongan tertentu semata-mata mahu mempertahankan kedudukannya dalam parti.

Itulah Datuk Musa yang pada tahun 1971 untuk tempoh dua penggal pernah menjadi orang kedua selepas Datuk Harun dalam Pemuda UMNO. Dia mungkin sudah tidak ada lagi, tapi hubungannya sentiasa erat. Sebagai orang luar, dia cuma merhati perjalanan pemuda dari jauh sahaja. Itu perkara biasa, hukum orang berorganisasi.

Penglibatan Datuk Musa dalam Pemuda UMNO dibandingkan dengan calon-calon lain amat ketara. Dan sejak mula lagi tidak ada orang yang mempertikaikan kemampuan Datuk Musa untuk memegang teraju pergerakan itu jika Datuk Harun tidak ada. Cuma yang menjadi tanda tanya ramai kalangan, terutama Pemuda UMNO sendiri ialah apakah sikap *uncommitted* Datuk Musa terhadap pemecatan Datuk Harun akan mempengaruhi markahnya dalam perlumbaan itu kiranya dia turut sama.

Sikap Datuk Musa itu sebenarnya ada bahayanya terutama jika pengaruh Datuk Harun masih mencengkam Pemuda UMNO. Sedikit sebanyak pengaruh bekas Ketua yang tersingkir itu memang ada. Mereka tentu bertanya Datuk Musa sebelum memberi undi. Kalangan yang berkecuali juga akan

berfikir panjang dan lebih mudah berkira dengan calon yang senang mereka pengaruhi.

Ini jelas bila nama Datuk Syed Nahar dan Tan Sri Syed Albar turut dicalonkan. Antara tujuh nama yang dikemukakan dalam perlumbaan ini, dua orang ini sahajalah yang jelas sikap mereka terhadap Datuk Harun. Kerana itu dirasakan adalah tidak mustahil undi itu pergi kepada Syed Nahar atau Tan Sri Albar.

Sikap Syed Nahar kepada Datuk Harun tidak boleh disifatkan sebagai memihak kepada Datuk Harun. Hingga sekarang pun dia memperlihatkan sikap yang tidak menyebelahi sesiapa bila pemecatan Datuk Harun ditimbulkan dalam Majlis Tertinggi UMNO.

Sikap beraninya meninggalkan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO mengenai pemecatan Datuk Harun tidak boleh dianggap sebagai satu tentangan kepada Tun Hussein Onn. Meskipun Datuk Syed Nahar nampaknya tidak mahu mematuhi keputusan Majlis Tertinggi itu, tetapi itu dibuat semata-mata berdasarkan kepada prinsip. Nyata Syed Nahar ini orang yang mahu maruah dirinya jangan dicabar. Sikapnya tegas dan mulia. Dia juga seorang yang sederhana. Dia mahu mahkamah memutuskan kes Datuk Harun terlebih dahulu. Selepas itu kalau hendak pecat tokoh yang satu waktu dianggap berpengaruh itu, pecatlah.

Syed Nahar pasti menjadi orang pertama menyokong Tun Hussein kiranya sabit yang Datuk Harun sudah melanggar disiplin. Dia akan menentang kalau ada kalangan lain cuba mempertikaikan

keputusan Tun Hussein memecat sesiapa juga yang melanggar peraturan.

Sikap tegas dan mulia yang ditunjukkan oleh Syed Nahar itulah yang diperlukan oleh Pemuda UMNO. Markahnya akan turut ditimbangkan bila mengundi nanti berdasarkan sikap-sikap tersebut.

Syed Nahar boleh mendapat undi penuh dari Kedah, negerinya sendiri. Pulau Pinang dan Perlis. Undi Perak dan Selangor, Melaka atau Negeri Sembilan mungkin pecah. Tapi dia boleh mendapatkan undi Kelantan jika jasa baik Tengku Razaleigh Hamzah serta hubungan kekeluargaan antara mereka digunakan. Lagipun Tengku Razaleigh yang menjadi Menteri Kewangan itu sahabat karibnya di London dulu.

Itulah gambaran yang berada di depan Datuk Musa kalau dia bertanding. Tan Sri Jaafar Albar dan Datuk Mohamad Rahmat pasti menarik diri. Calon-calon yang lain memang tidak ada minat langsung.

Pertama, mereka bertiga senegeri — Johor. Kedua, Tan Sri Jaafar sendiri merasa dirinya sudah agak berumur untuk memimpin pergerakan itu. Ketiga, antara Datuk Musa dengan Datuk Muhamad, ketokohan Datuk Musa lebih kelihatan. Keempat, Albar sendiri mahu memberi restu kepada orang muda yang berkaliber seperti itu bagi memimpin Pemuda UMNO.

Kalau Datuk Musa bertanding, pemuda-pemuda UMNO tentu tidak berdepan dengan kesukaran untuk memilih seorang ketua baru. Antara Syed Nahar dengan Datuk Musa tidak jauh bezanya. Tetapi akhirnya dua tokoh yang menerima pencalo-

nan ialah Tan Sri Jaafar Albar dan Datuk Muhamad Rahmat — dua pemimpin yang mempunyai jarak umur yang agak jauh seperti ayah dengan anak.

Persahabatan antara Datuk Musa dan Datuk Harun dulu akan memudahkan Datuk Musa meneruskan tugas-tugasnya mengemudikan Pemuda UMNO. Persahabatan Datuk Musa dengan Datuk Harun terlalu akrab. Datuk Musa boleh bekerjasama dengan Datuk Harun. Dan ternyata ada persefahaman dan saling hormat menghormati. Tidak hairanlah kalau beliau tidak segan-segan menyatakan sesuatu yang semacam memihak Datuk Harun dalam satu perhimpunan Khas Pemuda UMNO akhir tahun 1975.

Bila Datuk Harun berada dalam krisis dengan pucuk pimpinan UMNO, Datuk Musa tidak banyak bercakap. Dia ada bertemu dengan Tun Hussein Onn supaya masalah Datuk Harun didiamkan sementara menunggu keputusan mahkamah. Dia tidak diendahkan tetapi tidak ramai yang tahu hal ini. Kalau Datuk Musa mahu memihak kepada kangan yang memerintah, bererti dia mesti mengecam Datuk Harun secara terbuka. Dan kalau dia berterus-terang menyokong Datuk Harun, dia pula nanti disenaraikan dalam "buku merah Tun Hussein" yang boleh menjaskan kedudukannya dalam parti dan kerajaan.

Apakah keadaan-keadaan itu membolehkan Datuk Musa menang dengan senang? Kalau boleh menang dengan mudah, mengapa Datuk Musa tidak mahu bertanding. Bukankah ini peluangnya untuk sama-sama duduk dengan Dr. Mahathir Mohamad, Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah dan Encik Gha-

far Baba sebagai Naib Presiden UMNO? Bukankah jawatan Ketua Pemuda itu secara automatik melayakkan dirinya menjadi salah seorang daripada lima Naib Presiden.

Dengan itu, dia juga ada peluang dan layak untuk menjadi Timbalan Perdana Menteri. Ataupun Perdana Menteri. Apakah Datuk Musa tidak lagi tertarik dengan jawatan penting dalam parti dan kerajaan?

Benar ada orang merasa menjadi Naib Presiden melalui Ketua Pemuda tidaklah segarang Naib Presiden yang dipilih. Tetapi Datuk Musa boleh beradu nasib untuk Naib Presiden yang dipilih pada tahun 1978 kalau dia merasakan sudah punya cukup kekuatan. Perlembagaan parti tidak mengharamkan dia berbuat demikian.

Datuk Musa tidak perlu takut kalau dia tidak boleh mengimbangi kemampuan yang telah dibuktikan Datuk Harun mengepalai pergerakan itu. Datuk Musa, sebagai seorang yang dinamik tentu mempunyai idea yang tersendiri. Datuk Musa sudah dikenali sebagai *political animal*. Tentu dia bukan sebarang orang.

Dia mungkin tidak berjaya dalam bidang-bidang yang Datuk Harun lebih berjaya. Tetapi dia boleh mencuba bidang-bidang lain yang belum di teroka oleh Pemuda UMNO. Dengan itu orang dapat mengukur apakah dia berkemampuan untuk menyaiangi Datuk Harun kalaupun tidak dapat melebihi apa yang telah dibuat oleh Datuk Harun.

Kalau dia menjadi Ketua Pemuda, kedudukannya sebagai anggota Kabinet Tun Hussein Onn

memang menyulitkan dirinya menjadi *trouble shooter* – peranan yang telah dimainkan oleh ketua-ketua pergerakan itu sejak dulu lagi. Sama ada dia mampu atau tidak akan menjadi ujian kepada-nya sebagai seorang pemimpin.

Agaknya soal penting yang bermain dalam kepala Datuk Musa ketika itu sama juga seperti Tan Sri Syed Jaafar Albar ialah apakah Pemuda UMNO khususnya dan UMNO seluruhnya bolch dijadikan *vehicle* untuk meneruskan perjuangan.

Bentuk perjuangan yang dimaksudkan itu tentu-lah yang tidak mempunyai unsur-unsur peribadi atau kepentingan diri sendiri. Kata-kata Datuk Musa seperti “saya akan berfikir banyak kali sebe-lum menyertai perlumbaan merebut jawatan dalam parti,” dan soal naik ke atas secara *unethical* yang ditimbulkannya sudah cukup mendedahkan dilema yang dihadapi oleh partinya.

Datuk Musa ternyata seorang pemimpin muda yang bercita-cita tinggi. Bagaimanapun dia tidak suka bergelumang atau melibatkan diri dengan cara-cara yang *unethical* dalam mengejar matlamatnya. Dan kalau dia terus bermain politik tarik diri, dia tidak akan dapat melihat politik bersih wujud dalam UMNO.

Apa yang Datuk Musa patut buat ialah bersama-sama rakan-rakannya yang lain bermain politik yang lebih licin dan bila naik ke atas nanti adalah menjadi tanggungjawabnya untuk membersihkan parti dan kawan-kawannya daripada meneruskan cara berpolitik yang tidak direlainya itu.

Mampukah Datuk Musa? Atau beranikah dia?

Kalau dia seorang sahaja tentu mustahil untuk matlamat itu dicapai. Tetapi kalau dia dapat mencari rakan yang sealiran dengannya iaitu mereka yang tidak menggunakan jawatan menteri atau parti untuk mencari pengaruh melalui pemberian lesen dan sebagainya, tidak ada sebab mengapa dia tidak boleh berjaya.

Apakah Datuk Musa benar-benar akan mematuhi apa yang diutarakannya dalam soal pertandingan merebut jawatan dalam parti yang secara automatik pula menjadi orang penting dalam kerajaan adalah satu perkara yang boleh dilihat dalam beberapa waktu ini.

Sama ada itu sekadar muslihat untuk menjejaskan kedudukan calon-calon tertentu yang dia sendiri tidak suka menyertai perlumbaan Ketua Pemuda atau sebaliknya, juga samar-samar. Kalau benar, siapakah calon-calon yang dia tidak suka? Bagaimanapun bila dia menyebut beberapa nama, termasuk Datuk Muhamad Rahmat, orang boleh mengagak siapakah orang yang tidak disenangi oleh beliau itu.

Sebagai seorang manusia biasa, Datuk Musa tidak boleh mengelakkan diri daripada menyukai orang-orang tertentu. Dia tahu bahawa pengaruhnya dalam Pemuda UMNO masih ada, dan bila sokongan terang-terangan diberikan kepada tokoh-tokoh muda, mereka boleh menang dengan mudah.

Datuk Musa juga mungkin bertujuan ikhlas bila dia mengundurkan diri iaitu mahu memberi peluang kepada orang-orang yang lebih muda daripadanya sendiri untuk mengepalai pergerakan tersebut. Dia mungkin beranggapan bahawa inilah caranya untuk

menarik lebih ramai belia atau mereka yang baru lulus universiti menyertai UMNO. Pemuda UMNO memanglah tempat sesuai untuk melatih pemimpin-pemimpin muda sebagai persediaan mengambil alih pucuk pimpinan yang ada sekarang.

Mahu tidak mahu, pucuk pimpinan yang memegang teraju sekarang terpaksa mengundurkan diri kerana umur tidak membenarkan mereka terus berkuasa. Penyerahan kuasa kepada barisan pemimpin yang lebih muda harus dibuat. Dan persediaannya tentulah wajar dimulakan dari sekarang.

Lebih ramai pemimpin yang dilatih, lebih baik. Banyak pilihan boleh dibuat. Tetapi yang lebih penting ialah memastikan bahawa peralihan kuasa itu berjalan licin. Tetapi kalau cara-cara *unethical* di- biarkan menguasai parti dan bermaharajalela di-depan pucuk pimpinan, tentu mustahil cita-cita murni itu dapat dicapai.

Pengunduran Datuk Musa itu satu cara yang baik. Tapi berapa ramai orang yang mahu bersikap seperti dia? Kalau seorang sahaja pun tidak punya apa-apa erti. Ada lebih baik kalau dia bertanding dan menentukan haluan parti mahu ke mana. Dan langkahnya itu sekurang-kurangnya mendedahkan Pemuda UMNO kepada satu rupa kekosongan atau krisis mencari pimpinan ketika itu.



Datuk Musa

Tokoh popular yang pernah dicalonkan untuk menjadi Ketua Pemuda UMNO



Datuk Musa merasmikan mesyuarat Pemuda dan Wanita UMNO



Para Pemuda UMNO sedang berdoa



Para Pemuda UMNO sedang bernyanyi



Antara pemimpin Pemuda UMNO sedang memberikan undi



Tengku Razaleigh, Datuk Muhamad Rahmat dan Datuk Harun



Datuk Muhamad Rahmat

DATUK MUHAMAD RAHMAT

Bila Datuk Harun Idris disingkirkan daripada Ketua Pemuda UMNO pada 17 Mac 1976, Datuk Muhamad Rahmat sepatutnya memangku jawatan tersebut sehingga Perhimpunan Agung Pemuda melantik seorang ketua baru. Tapi Datuk Muhamad, yang ketika itu menjadi Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian tidak mahu berbuat demikian. Dia semacam tidak ghairah untuk meneruskan tugas yang dilepaskan oleh Datuk Harun itu.

Sebaliknya, dia memanggil satu mesyuarat jawatankuasa Pemuda UMNO. Dia mengesyorkan tempat Datuk Harun itu dikosongkan sehingga persidangan Pemuda UMNO Julai 1976. Ahli-ahli jawatankuasa yang lain bersetuju, walaupun Datuk Muhamad tidak menyatakan tujuan membiarkan kekosongan tersebut.

Bila pencalonan Ketua Pemuda dibuka mulai bulan Februari nama Datuk Muhamad turut dicalonkan. Tapi sejak mula lagi dia tidak bercakap langsung tentang perkara itu. Hingga saat akhir pertandingan pun dia mengunci ketat mulutnya.

Dia tidak menyatakan mahu menyertai perlum-

baan tersebut. Dia juga tidak membayangkan untuk menarik diri. Datuk Muhamad hanya menulis surat rasmi jawapannya kepada Setiausaha Kerja Pemuda UMNO, Encik Saidin Tamby: saya menerima pencalonan.

Menurut hierarki Pemuda UMNO, Datuk Muhamad yang ketika itu Naib Ketua, dan setelah ketuanya disingkirkan, dialah yang berhak mewarisi jawatan tersebut. Tetapi jawatan ketua ini bukan dia sendiri sahaja boleh tentukan. Para perwakilan Pemuda UMNO daripada 114 Bahagian akan membuat perhitungan.

Datuk Muhamad sebenarnya adalah seorang pemimpin berbakat yang ditonjolkan menjadi pemimpin. Ramai orang sukaannya. Tun Sardon Jubir yang memperkenalkan dia kepada politik sukaikan dia. Tun Razak, Datuk Harun, Datuk Musa serta Tun Hussein Onn, Perdana Menteri ketika itu juga sukaikan Datuk Muhamad.

Datuk Muhamad boleh bekerja dengan siapa sahaja. Mula-mula dia menjadi Setiausaha Politik kepada Sardon Jubir. Bila dia menang pilihanraya kawasan Parlimen, dia dilantik oleh Allahyarham Tun Razak menjadi Setiausaha Parlimen di Kementerian Pelajaran. Dalam rombakan kecil kabinet, dia ditukarkan ke Kementerian Kewangan juga sebagai Setiausaha Parlimen;

Bila dia menang sekali lagi dalam Pilihanraya 1974, dia diangkat oleh Tun Razak menjadi Timbalan Menteri Penyelaras Perbadanan Awam yang kini dikenali sebagai Kementerian Perusahaan Awam. Kemudian dia menjadi Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Selepas itu beliau

dilantik menjadi Menteri Penerangan, dan kemudiannya menjadi duta Malaysia ke Indonesia.

Dalam politik pula dia pernah seregu dengan Datuk Harun walaupun untuk tempoh tidak sampai dua tahun. Meskipun Datuk Muhamad tidak banyak bercakap tentang pertandingan yang akan berlangsung 1 Julai 1976 itu, tetapi satu perkara yang nyata ialah dia seorang calon yang ditonjolkan oleh pucuk pimpinan parti UMNO. Ini sama-lah seperti apa yang dibuat oleh pucuk pimpinan menonjolkan Datuk Samad Idris menentang Datuk Harun pada tahun 1973.

Sama ada dia ghairah atau tidak dengan jawatan tersebut tidak penting. Soalnya dia ialah calon yang mendapat restu orang-orang atas khususnya Datuk Hussein.

Penglibatan Datuk Muhamad dengan pergerakan ini sudah lama. Sejak dia menjadi Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran lagi, dia sudah mengadu nasib dalam beberapa jawatan pergerakan itu. Dia pernah bertanding beberapa kali dan pernah gagal. Dia menjadi EXCO Pemuda buat pertama kali melalui lantikan Datuk Harun.

Dalam Pemuda UMNO, Datuk Muhamad belum memperlihatkan watak pimpinan yang luar biasa. *Performancenya* sama dengan ahli-ahli lain. Datuk Harun sendiri memberi dia menjadi Pengurus Biro Sukan Pemuda UMNO.

Untuk tempoh permulaan, kedudukannya dalam politik Pemuda memang tidak stabil. Haji Suhaimi Datuk Kamaruddin Ahli Parlimen Kawasan Sepang turut membantunya memperkuatkan

kedudukan. Dia melantik Datuk Muhamad menjadi Pengurus 4B Johor – sebuah persatuan belia yang punya *link* dengan Pemuda UMNO. Datuk Muhamad setuju.

Datuk Muhamad sentiasa dikira sebagai seorang yang baik dan jujur. Tetapi ketokohan sebagai pemimpin Pemuda UMNO tidak cukup sekadar baik dan jujur. Ada banyak lagi kualiti yang diperlukan kalau muh menjadi seorang pemimpin yang berjaya.

Benar kalau dia tidak diberi peluang mana dia boleh menunjukkan buktinya. Datuk Muhamad sebenarnya sudah diberi peluang. Waktu kecoh Datuk Harun ditawarkan jawatan Wakil Tetap ke Bangsa-bangsa Bersatu dulu, Datuk Muhamad telah memperlihatkan bahawa dia seorang pemimpin yang memerlukan '*push*' dari belakang.

Selama ini ketokohan Datuk Muhamad tidak timbul mungkin kerana rakan seregu dengannya Datuk Harun ialah seorang tokoh yang kewibawaannya ketika itu tidak dipertikaikan orang. Bayangan bekas Ketua Pergerakan Pemuda itu telah menenggelamkan kemampuan Datuk Muhamad.

Datuk Muhamad yang berusia 38 tahun ketika itu adalah orang yang punya kebolehan. Kalau tidak masakan Tun Sardon mengambilnya sebagai Setiausaha Politiknya. Tun Sardon memang terlalu berhati-hati memilih pembantu-pembantunya. Dan pilihannya selalu adalah orang yang tepat. Datuk Musa Hitam adalah salah seorang yang diambil oleh Tun Sardon berkhidmat dengannya. Dia seorang tokoh politik yang berjaya sekarang. Dia pernah

diramalkan oleh Majalah Time sebagai bakal pemimpin dunia yang terkemuka satu hari nanti.

Kebolehan Datuk Muhamad kemudian mendapat perhatian Tun Razak sendiri. Dia diberi kerusi Parlimen untuk bertanding. Setelah menang dia dijadikan Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran. Kementerian itu penting dan pemilihan Tun Razak itu tentulah juga tepat.

Kebolehan yang paling nyata ialah bila dia memenangi pertandingan naib ketua Pemuda pada tahun 1974. Datuk Harun sendiri sewaktu mengulas kemenangan Datuk Muhamad itu mensifatkaninya sebagai satu pilihan yang bijak.

Walaupun Datuk Muhamad dalam tempoh dua tahun menjadi orang kedua pentingnya dalam Pemuda UMNO belum mencetuskan isu-isu politik yang menarik perhatian, tetapi dia adalah orang yang melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan dengan sempurna. Meskipun dia sekadar diberi tugas mengetuai Biro Sukan Pemuda UMNO, tetapi di bawah Datuk Muhamadlah kegiatan sukan pergerakan itu subur dan berkembang.

Datuk Muhamad berjaya memperkenalkan Pemuda UMNO melalui sukan -- bidang yang selama ini tidak diberi perhatian oleh ramai orang. Pasukan Bolasepak UMNO juga pernah mengadakan perlawanan persahabatan dengan pasukan-pasukan luar seperti Medan dan Jakarta.

Sekiranya Datuk Muhamad dipilih menjadi Ketua Pemuda ketika itu, dia secara automatik menjadi Naib Presiden UMNO. Ini bererti dia akan mencatat sejarah sebagai orang paling muda duduk

sebaris dengan Dr. Mahathir Mohamad, Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah dan Encik Ghafar Baba.

Dia cuma perlu meyakinkan Pemuda UMNO ketika itu bahawa dia boleh memimpin kalau peluang diberikan. Tugas itu tidak mudah. Tapi dia punya kemudahan. Namanya dalam sejarah Pemuda UMNO mungkin cacat sedikit kerana dia tidak ber tegas dengan mandat yang diberikan oleh Perhimpunan Agung Khas bulan Disember 1975 supaya satu sidang tergempar Pemuda dipanggil kiranya Datuk Harun dipecat daripada parti.

Tindakan Datuk Muhamad bertenang menghadapi kes tersebut ada baiknya. Lagipun dia mungkin memikirkan bahawa keadaan-keadaan politik ketika itu tidak mengizinkan perkara itu ditimbulkan. Keputusan tidak mahu memanggil sidang tersebut pun bukan keputusan dia sendirian. EXCO Pemuda UMNO seluruhnya bersama dia. Dia seorang sahaja tidak boleh disalahkan. EXCO yang ada wajar disalahkan.

Datuk Musa Hitam sendiri menamakan Datuk Muhamad seorang pemimpin Pemuda yang terlatih dan punya masa depan yang cerah. Datuk Musa adalah orang yang tahu tentang apa yang dikata-kannya.

Tentulah kata-kata Datuk Musa itu boleh membantu Datuk Muhamad dalam perlawanan satu sama satu, sama macam Tun Razak menyebut nama Ghafar Baba, Tengku Razaleigh dan Dr. Mahathir dalam pemilihan Naib Presiden UMNO bulan Jun 1975 dulu.

Tidak ada yang buruk tentang peribadi Datuk

Muhamad ditimbulkan. Dia mungkin punya kelebihan-kelemahan tersendiri. Tapi Datuk Muhamad adalah juga seorang manusia biasa. Dan dia pernah berterus-terang dalam beberapa ucapan kepada ahli-ahli parti bahawa dia tidak akan marah kalau ada yang menegurnya. Sikap terbukanya ini baik sekali. Ertinya, Datuk Muhamad percaya kepada perhubungan dua hala; rakyat kepada pemimpin dan pemimpin kepada rakyat.

PENCALONAN JAAFAR ALBAR

Tidak pernah terlintas pada hati Tan Sri Syed Jaafar Albar yang dia mahu merebut jawatan Ketua Pemuda UMNO yang dikosongkan oleh Datuk Harun itu.

Orang ramai sendiri tidak pernah merasakan beliau boleh menjadi seorang calon dalam usia yang sudah 62 tahun. Jawatan itu tidak pernah cuba direbut atau dimimpikannya sewaktu dia muda-muda dulu. Ketika Pemuda UMNO ditubuhkan dia baru berusia 34 tahun. Mengapa dia tidak terfikir untuk menjadi Ketua Pemuda?

Namanya mula-mula dicalonkan oleh UMNO Beruas, Perak. Mula-mulanya ia dikira sebagai suatu mainan *provokasi*. Tetapi suara dari Beruas itu kemudian mendapat sambutan. Beberapa Bahagian mengirimkan keputusan ke Ibu Pejabat UMNO mencadangkan tokoh UMNO yang berusia 62 tahun untuk menjadi Ketua Pemuda yang baru.

Beliau tidak segera memberi jawapan. Lobi-lobi

mula dibuat dan ternyata penyertaannya dalam pertandingan itu boleh memberi jiwa kepada Perhimpunan Agung UMNO tahun 1976 dulu.

Dia tidak membisu. Tetapi dia merahsiakan pendiriannya. Dia tidak begitu berminat untuk bertanding walaupun sudah ada telefon dari banyak tempat memintanya menerima pencalonan itu. Tetapi memang dari awal dia sudah mempunyai jawa-pan iaitu tidak mahu bertanding. Biarlah orang muda seperti Datuk Musa Hitam atau Datuk Syed Nahar Shahabudin bersama-sama Datuk Muhamad Rahmat.

Beliau agak terperanjat mengetahui Datuk Musa Hitam menarik diri dengan satu kenyataan yang mencabar pucuk pimpinan parti serta anggota parti. Pertandingan merebut jawatan itu tentunya menjadi tawar dengan penarikan diri Datuk Musa itu. Lagipun sindiran yang dibuat oleh Datuk Musa tentang kedudukan umurnya sudah lebih juga menyebabkan antara yang memperkuat keputusannya untuk tidak menyertai pertandingan itu. Sebagai orang tua, dia tentu lebih faham bahawa orang yang 42 tahun lagi sudah merasa dirinya tua, dan sepatutnya orang yang 20 tahun lebih tua mendiamkan diri saja.

Tetapi apabila Utusan Melayu pada hari Sabtu, 5 Jun 1976 menyiarkan sebuah rencana yang secara langsung mencabar sikapnya supaya lebih baik jangan bertanding, maka dia mengambil sikap yang baru. Dia mahu bertanding.

Rencana itu terbit pada ketika Tan Sri Albar berada di kawasan pilihanrayanya di Panti. Dia terus pulang ke Kuala Lumpur dan terus menyam-

paikan persetujuannya untuk bertanding kepada Ibu Pejabat UMNO.

Keputusannya untuk bertanding itu telah mengubah perkiraan politik beberapa orang tokoh atau calon lain yang sebelumnya tidak memberi jawapan. Sebelumnya cuma Datuk Musa dan Datuk Hamzah Abu Samah yang menarik diri. Datuk Mansor Osman, Datuk Syed Nahar dan Tengku Ahmad Rithaudeen cuma menyatakan tidak ikut serta setelah Albar menyatakan persetujuannya.

Apa yang diduga oleh kebanyakan orang, kiranya Albar tidak bertanding, pertentangan yang hebat ialah antara Datuk Muhamad Rahmat dan Datuk Syed Nahar. Orang ramai memang telah meramalkan dua calon lagi akan menarik diri juga bersama Tan Sri Albar.

Datuk Syed Nahar memang agak sulit untuk menandingi Datuk Musa, tetapi beliau mempunyai harapan besar untuk menang kalau melawan Datuk Muhamad Rahmat. Pemuda tentunya tahu bahawa apa baik dan apa lemahnya Datuk Muhamad Rahmat. Tetapi kelemahan pendatang baru seperti Syed Nahar tidak diketahui. Ketegasannya dan sifatnya yang tenang dan lembut memang menarik minat ramai.

Apakah Pemuda UMNO bersedia menerimanya belum dipastikan, tetapi pemimpin-pemimpin veteran ingin melihat Syed Nahar menjadi ketua yang baru.

Langkah calon-calon lain untuk memberi peluang kepada dua orang saja bertanding adalah satu demonstrasi politik yang menarik perhatian. Ia juga

dibuat oleh setengah calon yang menarik itu untuk memberikan sokongan bulatnya kepada salah seorang calon yang disukainya. Cara ini pernah memberi bekas bila beberapa calon untuk menentang Tun Sardon tahun 1964 menarik diri di saat terakhir. (lihat bab Sejarah Pemuda UMNO).

Albar tidak perlu diperkenalkan kerana orang ramai sudah kenal. Dia juga satu-satunya yang ber gelar 'Singa UMNO' kalau diakui UMNO patut ada singa. Dia diberi gelaran itu kerana keberaniannya menyelar siapa saja yang dikira berbahaya untuk UMNO dan dia bukan sekadar bercakap, malah sanggup menggunakan tenaga demi kepentingan maruah parti dan kerajaan partinya.

Sebagai contoh dapat dilihat daripada sikapnya menghalang beberapa orang anggota Parlimen Sosialis Front daripada memasuki Dewan Rakyat dalam tahun 1959. Ketika itu dewan itu belum punya peraturan tentang pakaian lengkap dan MP-MP itu datang ke dewan dengan tidak memakai tali leher dan kot. Dewan terpaksa ditangguhkan beberapa waktu untuk membolehkan mereka mengambil pakaian lengkap masing-masing.

Sikap itu dianggap keterlaluan oleh setengah pihak, tetapi dia tegas untuk mempertahankan maruah dewan itu daripada sikap keanak-anakan setengah pihak.

Albar menyertai politik UMNO sejak dari mula ditubuhkan. Dia pernah bertugas sebagai seorang kakitangan yang cergas dalam pejabat UMNO semasa Datuk Onn memimpin parti itu.

Boleh dikatakan dia begitu rapat dengan peng-

asas parti itu. Tetapi dia menjadi orang yang begitu lantang menentang politik Datuk Onn bila orang tua itu mengambil sikap negatif terhadap UMNO.

Semasa Tun Hussein Onn menjadi Setiausaha Agung UMNO, Albar adalah bersama-sama bekerja dengannya di pejabat UMNO di Johor Baharu. Dan ini bererti Tun Hussein sudah mengenali Albar lebih lama daripada kebanyakan kita, dan dia lebih mengenali calon Ketua Pemuda itu lebih dekat daripada kebanyakan ahli UMNO.

Dari mula UMNO ditubuhkan Albar tidak putus-putus mengabdiikan dirinya kepada parti. Dialah orang yang menjadi trompet untuk mengembangkan parti itu ke sana ke mari. Meskipun dia dibayar gaji kerana menjalankan tugas penting sebagai Ketua Penerangan, tetapi tidak banyak orang UMNO yang boleh makan gaji begitu, dan tidak pula sebarang orang yang boleh diterima untuk menjalankan tugas itu pada peringkat awal parti itu ditubuhkan.

Dari mula lagi dia sudah menjadi anggota Majlis Tertinggi. Khidmatnya dalam organ parti yang paling tinggi itu berjalan tidak putus-putus hingga-lah bulan Jun 1975 apabila beliau tewas dalam pemilihan Naib Presiden. Dalam beberapa hal tidak ramai orang yang dapat duduk dalam majlis itu begitu lama.

Dia mempunyai sikap dan pendirian tersendiri dalam banyak hal. Umpamanya dia mempertikai-kan Pilihanraya Umum yang pertama dalam tahun 1955. Dia tidak bersetuju dengan pemberian Inggeris yang membolehkan seramai 52 orang saja dari 100 anggota Majlis Perundangan Persekutuan yang

dipilih oleh rakyat. Bakinya diangkat oleh Pesuruhjaya Tinggi dengan merundingkannya dengan parti yang menang. Albar mahu pemilihan 100 peratus.

Albar menerima keputusan yang dibuat oleh parti yang menyetujui tawaran British itu. Tetapi dia enggan bertanding dalam pilihanraya itu meskipun ditawarkan. Dia cuma bersedia bertanding lima tahun kemudian bila seluruh anggota Parlimen dipilih oleh rakyat.

Dia tidak tertarik dengan projek Malaysia berdasarkan persetujuan-persetujuan yang ada. Pada dasarnya pembentukan Malaysia itu diterima, tetapi ada perkara-perkara terutama yang meletakkan kerajaan pusat terpaksa menanggung beberapa masalah yang dihadapi oleh bahagian-bahagian lain.

Apa yang ditentang oleh Albar sebenarnya mendapat perhatian daripada parti. Majlis Tertinggi terpaksa mengadakan sidang dari semasa ke semasa untuk mengkaji lebih lanjut tentang pembentukan itu. Bagaimanapun tolak ansur yang diamalkan oleh pemimpin-pemimpin parti ketika itu membolehkan Majlis Tertinggi bersetuju. Albar sebagai seorang yang sanggup menerima tanggungjawab adalah mempertahankan keutuhan Malaysia setelah ia dibentuk.

Bila Singapura dipisahkan dari Malaysia, sekali lagi Albar tidak setuju. Sebabnya pemisahan itu suatu yang besar dan ia haruslah dibuat mengikut cara-cara yang lebih rapat dengan kehendak rakyat.

Satu soal besar yang patut diberi perhatian bila memperkatakan peranan Albar dalam UMNO ialah sikapnya tidak bersetuju dengan tindakan memecat

Dr. Mahathir dalam tahun 1969. Tentangannya bukan kerana dia sayangkan Dr. Mahathir, tetapi pemecatan itu nantinya tidak diterima oleh parti dan bagaimana nanti kalau parti mahukan Dr. Mahathir kembali ke dalam UMNO.

Dan apa yang dibimbangkannya betul-betul berlaku. Anggota parti tidak begitu bersetuju dengan pemecatan itu. Bila ada usul untuk membawa Dr. Mahathir kembali kepada UMNO, dia tidak setuju juga walaupun pemecatannya tidak disetujuinya. Sebabnya apa ertinya kepada maruah parti kalau satu hari setuju memecatnya dan satu hari lagi menerima kembali.

Tetapi suatu yang patut diingat bahawa sebarang tentangan yang dibuatnya tidak dibuat melulu. Ia dibuat berdasarkan prinsip-prinsip yang mahu memelihara maruah parti. Dia tidak menentang sesuatu yang dibuat mengikut semangat kepartian. Bagi segala perkara yang besar yang dirasakan boleh menjelaskan maruah parti patutlah jangan didebatkan sesama Majlis Tertinggi saja. Perkara seperti pemecatan Dr. Mahathir dan paling akhir tentang pemecatan Datuk Harun haruslah dirujukkan kepada parti iaitu dengan memanggil Perhimpunan Khas parti. Biar perhimpunan itu menentukan sikap.

Albar adalah orang yang akan menghujah sesuatu yang dikiranya tidak tepat pada pandangan parti daripada kacamatanya. Tetapi kalau sudah parti bersetuju, sebagai seorang yang mendukung semangat demokrasi dia patuh. Dan akan mempertahankan pendirian parti.

Dia adalah orang yang tidak memikirkan kepentingan kedudukannya bila dia tidak bersetuju dengan sesuatu keputusan. Dia menolak pencalonan bertanding dalam Pilihanraya 1955 kerana kepercayaannya bertentangan dengan kemahuan British. Dia sanggup meninggalkan jawatan Setiausaha Agung UMNO kerana dia tidak bersetuju dengan pemisahan Singapura. Dia menolak pencalonan untuk menjadi Ketua UMNO Bahagian Panti awal Mei 1976 kerana tidak setuju dengan cara penyertaan seorang calon lagi. Baginya jawatan Ketua Bahagian tidak perlu dipegang oleh seorang yang sudah duduk dalam barisan pemimpin di peringkat nasional. Sikap itu memberi satu pegangan yang patut ditimbangkan oleh semua orang yang sudah menjadi pemimpin di peringkat paling atas.

Daripada semua segi, meskipun Albar sentiasa lantang dan kadang-kadang menyulitkan setengah pihak, tetapi masing-masing bersetuju ketiadaannya dalam Majlis Tertinggi adalah satu kehilangan kepada parti.

Dengan itu UMNO dan pucuk pimpinan kehilangan satu *trouble shooter* yang paling licin. Majlis Tertinggi itu sendiri sudah tidak rancak lagi kerana sudah tidak ada orang-orang yang berani memulakan satu-satu perdebatan terutama untuk mengkaji buruk baiknya satu cadangan yang dibawa sendiri oleh ketua parti.

Yang menjadikan orang-orang UMNO termasuk setengah pemimpinnya terkilan atas ketiadaan Albar ialah Albar masih bertenaga. Dia masih segar dan masih mampu memberi khidmat dan fikiran kepada kesuburan parti. Nilai-nilai yang ada padanya

sudah tidak dapat dimanfaatkan untuk UMNO semata-mata kerana dia tidak lagi duduk dalam Majlis Tertinggi.

Pencalonan yang dibuat oleh setengah bahagian Pemuda UMNO agar beliau menjadi Ketua Pemuda ketika itu, selain daripada kemampuannya untuk menggembeling tenaga pemuda, adalah juga untuk mengisi kekosongan *trouble shooter* dan penyumbang fikiran yang kosong sejak bulan Jun 1975.

Apakah beliau layak atau tidak untuk jawatan itu tidak arif untuk dinyatakan dengan tepat. Tetapi orang yang setua 62 tahun itu, cuma tua pada usia. Tetapi jiwa, semangat dan tenaga berfikirnya adalah sentiasa muda, malah lebih muda daripada setengah orang-orang muda. Antara sebabnya ialah dia mengikut perkembangan dan terhindar dari-pada apa yang dikatakan 'jurang generasi' daripada segi fikiran dan memahami kedudukan generasi muda.



Tan Sri Jaafar Albar

Singa UMNO yang menjadi Ketua Pemuda yang keenam, 1976–1977



Jaafar Albar dan Muhamad Rahmat



Albar dan para pemimpin UMNO



Albar, Musa dan Muhamad Rahmat sedang berbincang



Albar mempengerusikan mesyuarat exco Pemuda UMNO



Albar sedang menceritakan sesuatu yang melucukan



Dari kiri: Albar, Mahathir, Hussein Onn dan Senu



Singa UMNO di tengah-tengah para perwakilan Perhimpunan Agung UMNO

SINGA UMNO JADI KETUA

Bagaimanapun terbukti bahawa keputusan Allahyarham Tan Sri Syed Jaafar Albar untuk menerima pencalonan menjadi Ketua Pergerakan Pemuda UMNO tidak merugikan, walaupun tidak dinafikan bahawa dari segi pencalonan, beliau tidaklah sepopular tokoh-tokoh lain yang lebih muda darinya. Penerimaan itu bermakna gelanggang perlawanan satu sama satu dengan Naib Ketua Pemuda yang sedia ada, tetapi tidak mahu memangku jawatan ketua bila Datuk Harun dipecat dari UMNO, Datuk Muhamad Ratmat, telah dipersiapkan.

Pilihan yang ada untuk para perwakilan Pemuda dari seluruh negara ialah sama ada untuk memilih seorang pemimpin yang muda dari segi umur, seperti yang dikehendaki oleh Datuk Musa Hitam sewaktu menolak pencalonan popular dari pemuda-pemuda Bahagian, ataupun seorang pemimpin yang sudah berusia 62 tahun. Dalam pemilihan biasa barangkali Datuk Muhamad Rahmatlah yang akan menjadi pilihan mereka, tetapi dalam

keadaan yang menyelubungi Pergerakan itu ketika itu, maka ada pertimbangan lain yang perlu dibuat oleh perwakilan.

Nyata bahawa di saat-saat akhir pimpinan Datuk Harun, satu kerenggangan telah wujud antara Pergerakan Pemuda UMNO dengan badan induk; malah ada golongan yang menganggap sudah tercetus satu bentuk konfrontasi antara badan induk itu dengan sayap kanan parti yang sepatutnya menjadi benteng kepada UMNO. Ternyata apa yang diperlukan oleh Pergerakan Pemuda UMNO ialah seorang ketua yang boleh meredakan ketegangan yang berpunca dari pemecatan Datuk Harun itu. Dan inilah yang menjadi landasan kemen-kempen Allahyarham Tan Sri Jaafar untuk bertanding jawatan tersebut.

Apa pun juga kesempatan yang ada menjelang pertandingan yang dilangsungkan pada 1 Julai 1976 itu, Allahyarham menyatakan bahawa tujuan beliau bertanding bukan kerana gila jawatan politik seperti yang didakwa oleh kalangan yang tidak senang dengan keputusannya untuk menyertai pertandingan itu. Misalnya, dalam satu temuramah dengan akhbar *Utusan Melayu*, keluaran 18 Jun 1976 beliau telah mengemukakan tiga sebab utama yang mendorong beliau untuk bertanding. Pertama untuk menjadikan Pergerakan Pemuda sebagai tenaga penyatu bagi perpaduan dan keutuhan UMNO; kedua, untuk berusaha merapatkan lagi hubungan di antara Pemuda UMNO dan badan induk untuk kepentingan parti dan negara; dan ketiga untuk mempastikan bahawa Pemuda UMNO akan terus dijadikan kuasa yang diambilkira dalam semua kegiatan terutama politik dan ekonomi.

Bagaimanapun beliau menjelaskan, ini tidak bermakna yang Pemuda UMNO harus berpecah dari badan induk. Mesej yang sama beliau tegaskan dalam surat-surat yang dikirim kepada Ketua-ketua Pemuda Negeri mengenai hasratnya.

Jelas bahawa sejak mula lagi, Allahyarham Tan Sri Jaafar telah memperlihatkan dirinya sebagai satu-satunya tokoh yang boleh memimpin Pemuda selepas ketiadaan Datuk Harun. Mesej ini terbukti sampai ke kepala sebilangan besar perwakilan Pemuda dan telah membolehkan Allahyarham mengepalai Pergerakan itu setelah menewaskan Datuk Muhammad Rahmat dengan majoriti yang agak besar dalam pemilihan yang berlangsung pada 1 Julai itu. Namun begitu, beliau tidak lama memimpin pergerakan tersebut. Kira-kira enam bulan setelah menjadi ketua, Tan Sri Jaafar Albar telah diserang penyakit jantung dan meninggal dunia pada 14 Januari 1977 — setahun selepas Perdana Menteri Tun Razak pulang ke alam baqa. Walaupun pimpinan beliau singkat, tetapi landasan yang telah disediakan oleh beliau telah membolehkan Pergerakan Pemuda UMNO melalui zaman krisisnya tanpa menghadapi banyak masalah.

Seolah-olah beliau tahu bahawa beliau tidak lama akan memimpin pergerakan itu. Tan Sri Jaafar Albar telah tidak berlengah-lengah melaksanakan ikrarnya untuk menjadikan dirinya sebagai ‘jambatan’ untuk memperbaiki hubungan Pemuda dengan pucuk pimpinan badan induk. Sebaik saja beliau diisyiharkan menang, beliau terus menemui Pemangku Presiden parti dan juga Perdana Menteri ketika itu, Datuk Hussein Onn untuk mengikrarkan taat setia kepada pucuk pimpinan, dan bukan

untuk berkonfrontasi seperti yang disangka oleh setengah golongan. Tindakan beliau itu sedikit sebanyak telah memudahkan tugas melaksanakan janji-janji yang beliau buat semasa berkempen, termasuk mengusahakan kemasukan semula bekas Ketua Pergerakan itu, Datuk Haji Harun Idris ke pangkuhan UMNO tidak lama setelah penyingkirannya. Tidak syak lagi kejayaan membawa semula Datuk Harun ke dalam UMNO merupakan kejayaan pertama Pemuda di bawah pimpinan beliau yang telah membolehkan Datuk Harun seterusnya diampunkan dan aktif semula dalam kegiatan parti — walaupun bukan sebagai Ketua Pemuda — selepas itu.

Selaras dengan ikrarnya untuk menjadikan Pemuda sebagai pertubuhan yang diambilkira oleh semua pihak, Allahyarham juga telah mengambil langkah-langkah untuk menukar imej badan itu. Perkara pertama yang dibuat ialah untuk mengisyiharkan bahawa Pemuda di bawah pimpinannya akan menjadi 'Kumpulan halia' atau *ginger group*, dan tidak lagi merupakan *pressure group* seperti ketika di bawah Datuk Harun. Tetapi jelas bahawa perubahan ini cuma pada nama saja, kerana peranan menegur pelaksanaan dasar-dasar kerajaan tetap di teruskan. Suara Allahyarham mengenai banyak perkara, sama lantangnya dengan suara Datuk Harun. Ini terbukti apabila CUEPACS pada tahun itu mengancam kerajaan hendak melakukan tindakan mogok kerana tidak setuju dengan beberapa aspek tangga gaji Ibrahim Ali. Beliau telah meminta kerajaan supaya jangan tunduk kepada tekanan dari kesatuan sekerja yang mewakili kakitangan perkhidmatan awam itu.

Kelantangan beliau bukan hanya ditujukan terhadap kesatuan sekerja yang cuba mendapatkan sesuatu tuntutan dengan cara mengancam. Tetapi Allahyarham juga lantang membongkar kegiatan, apa yang beliau anggap sebagai komunis di dalam UMNO yang cuba memecahbelahkan parti itu. Ketegasannya memperjuangkan soal ini sebenarnya bermula sudah lama, sebelum beliau menjadi Ketua Pemuda. Dan jawatan baru yang dimenanginya telah memberikan kepada beliau satu kekuatan baru untuk menimbulkan peri adanya komunis di dalam UMNO. Terbukti apa yang ditimbulkan olehnya telah mendapat perhatian kerajaan dan Menteri Dalam Negeri ketika itu khususnya.

Pada akhir tahun 1976 kerajaan telah menahan beberapa orang di dalam dan di luar UMNO, kerana kegiatan mereka yang dinilai boleh mengancam keselamatan negara. Di dalam UMNO, mereka yang ditahan di bawah ISA (Akta Keselamatan Dalam Negeri) ialah dua orang bekas pembantu kanan Tun Abdul Razak yang berpangkat Timbalan Menteri — Datuk Abdullah Ahmad dan Datuk Abdullah Majid. Di luar UMNO pula ialah bekas Pengurus Parti Sosialis Rakyat Malaysia, Kassim Ahmad; Pengarang New Straits Times, Samad Ismail dan Samani Ahmad Amin, Penolong Pengarang Berita Harian.

Kecuali Kassim Ahmad, mereka yang ditangkap itu semuanya membuat pengakuan di kaca TV bahawa mereka terlibat dengan kegiatan komunis. Mereka bertaubat dan mengikrarkan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada negara. Sama ada pengakuan-pengakuan itu dibuat secara sukarela atas dasar bahawa mereka benar-benar terlibat dengan

aktiviti komunis atau sebaliknya dibuat secara paksa, adalah sesuatu yang hanya diketahui oleh pihak polis dan mereka yang membuat pengakuan tersebut. Bagaimanapun - penglibatan masa lalu mereka itu tidak pula menghalang mereka untuk menyertai UMNO semula. Datuk Abdullah Ahmad misalnya, telah aktif semula di dalam UMNO dan menjadi Ketua Bahagian Kok Lanas di Kelantan, malah beliau disebut-sebut sebagai calon Menteri Besar negeri itu.

Usaha Allahyarham Tan Sri Albar untuk memperbaiki hubungan sayap kanan UMNO pimpinan beliau dengan badan induk serta mengembalikan maruah Pemuda dibuat pada dua peringkat. Pada tahap pertama, beliau dan ahli jawatankuasa Pemuda UMNO yang boleh dikatakan kesemuanya berusia di bawah 40 tahun, telah mengadakan pertemuan dari hati ke hati dengan pemimpin-pemimpin berpengaruh dalam UMNO. Misalnya sepanjang bulan Ramadan tahun 1976 itu, beliau telah mengelakai Exco Pemuda untuk berbuka puasa di rumah-rumah para pemimpin utama. Ini termasuklah di rumah Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri, Menteri Kewangan dan lain-lain. Tujuan pertemuan serupa itu tentunya bukan sekadar untuk makan-makan, atau disusul dengan sembahyang terawih, tetapi untuk membincangkan pelbagai masalah negara dan politik UMNO.

Jelas bahawa pertemuan-pertemuan yang diadakan itu telah berjaya merapatkan lagi kerenggangan yang diwujudkan berkait dengan soal Datuk Harun. Tetapi ini tidak pula bermakna Exco Pemuda pim-

pinan Albar telah menjadikan *yes man* kepada pimpinan tertinggi parti. Mengenai perkara yang dirasakan perlu kritikan, Pergerakan itu tidak segan silu untuk berbuat demikian. Tetapi oleh kerana hubungan sudah baik, tindakan-tindakan serupa itu, tidak kira betapa pedas sekalipun kritik yang dibuat, tidak dilihat oleh pucuk pimpinan parti sebagai usaha untuk berkonfrontasi; tetapi sebaliknya untuk kebaikan. Malah pucuk pimpinan memang menggalakkan kritik-kritik yang membina atau peranan menegur pelaksanaan program-program pembangunan yang difikirkan menyeleweng dari dasar asal yang ditetapkan oleh pemimpin-pemimpin parti.

Di peringkat kedua, beliau meneruskan tradisi yang telah dimulakan oleh Datuk Harun iaitu untuk menjelajah dari satu negeri ke satu negeri untuk menemui pemimpin-pemimpin Pemuda UMNO negeri, berbincang mengenai pergerakan yang mereka sayangi. Malah lawatan ke negeri-negeri oleh Allahyarham ini tidak dibuat secara sendirian, tetapi disertai juga oleh seluruh Exco pusat. Mereka mengadakan perbincangan dengan pemuda-pemuda negeri, berbincang dan mencari jalan bagi mengatasi masalah yang dihadapi. Malah Allahyarham juga pernah mengadakan mesyuarat Exco pusat di ibu negeri. Dan dalam pertemuan dengan Pemuda Johor yang diadakan di Muar pada 14 Januari 1977, Tan Sri Jaafar Albar telah diserang penyakit jantung dan meninggal dunia. Jelas bahawa permintaan beliau untuk 'mati dalam perjuangan, dan bukan mati di atas katil' telah diperkenankan oleh Allah.

Pemergian Allahyarham di saat-saat pimpinannya masih dikehendaki oleh Pemuda UMNO itu memang tidak diduga sama sekali. Bukan saja Pemuda yang meratapi kematian beliau, tetapi seluruh negara. Kawan dan lawan semuanya memberi penghargaan terhadap perjuangan Allahyarham. Akbar *Mingguan Malaysia*, 16 Januari 1976, dalam lidah pengarangnya yang berjudul 'Singa UMNO' pergi menemui Tuhan, antara lain menulis: "Satu hakikat yang perlu diakui ialah bahawa Allahyarham semasa hayatnya tidak jemu-jemu berjuang walaupun usianya sudah meningkat dan sepatutnya bersara Seluruh hayat Allahyarham memang penuh dengan perjuangan. Dan detik perjuangan yang paling hebat baginya ialah ketegasannya menentang pemisahan Singapura dari Malaysia dan kemuncak perjuangan politiknya iaitu kepulangan ke ribuan parti sebagai Ketua Pergerakan Pemuda UMNO secara yang tidak disangka." Pengarang *Bintang Timur* melaungkan mesej yang sama apabila beliau menulis dalam kolom mingguannya, *Dialog*: "Kematian secara mengejut Tan Sri Jaafar Albar telah meninggalkan satu kekosongan yang paling terasa sekali, bukan saja oleh bangsa Melayu, Pemuda UMNO, UMNO sendiri malah negara. (A.R. Kamarudin, SIAPA BAKAL GANTI ALBAR? *Bintang Timur*, 18 Januari 1977).

Jelas bahawa walaupun tidak lama memimpin Pergerakan Pemuda UMNO, Allahyarham Syed Jaafar Albar telah banyak menyelesaikan kekusionan yang dihadapi oleh parti itu berkait dengan soal Datuk Harun. Tidak syak lagi, beliau akan tetap dikenang oleh sejarah sebagai pemimpin yang telah berjaya merapatkan semula kerenggangan antara

Pemuda dengan badan induk. Keadaan ini telah memudahkan tugas pengganti beliau, Naib Ketua Pergerakan itu, Datuk Haji Suhaimi Kamaruddin yang telah memangku jawatan itu sehingga pemilihan baru diadakan dalam tahun 1978, dan seterusnya dipilih untuk menjadi Ketua Pemuda UMNO.

ZAMAN HAJI SUHAIMI

Walaupun Datuk Haji Suhaimi Datuk Kamarud-din dipilih menjadi Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia dalam bulan September 1978, tetapi era beliau dalam pergerakan itu bermula kira-kira satu tahun setengah sebelum itu, ekoran kematian Allahyarham Tan Sri Syed Jaafar Albar. Tidak seperti Datuk Muhamad Rahmat sebelumnya yang enggan memangku jawatan ketua bila Datuk Harun dipecat, Datuk Haji Suhaimi serta merta mengambil alih tugas yang dikosongkan oleh Tan Sri Jaafar Albar. Tak dapat tidak, keadaan itulah yang telah membantu beliau memenangi jawatan kuasa dalam tahun 1978, dengan mengalahkan pencabar utamanya, Menteri Besar Kedah waktu itu, Datuk Syed Nahar Shahabuddin. Haji Suhaimi mendapat 200 undi, manakala Datuk Syed Nahar 123 undi.

Perubahan pimpinan Pergerakan Pemuda ke tangan Haji Suhaimi sebenarnya mencatatkan beberapa rekod bagi diri beliau dan pertubuhan itu. Pertama, Haji Suhaimi merupakan naib ketua yang pertama dalam pergerakan itu yang berjaya menj-

di ketua. Naib ketua-naib ketua sebelum ini semuanya mengakhiri kerjaya politik mereka dalam Pemuda UMNO dengan kedudukan itu saja. Ini dialami oleh Haji Sulaiman Palestine, Allahyarham Datuk Ahmad Badawi, Allahyarham Datuk Ali Haji Ahmad, Datuk Musa Hitam, Datuk Muhamad Rahmat dan Datuk Mokhtar Hashim, timbalan kepada Haji Suhaimi. Sama ada mereka terpaksa meninggalkan jawatan naib kerana usia sudah melebihi 40 tahun, atau kalaupun bertanding untuk jawatan ketua seperti yang dilakukan oleh Datuk Muhamad Rahmat, tidak berjaya memenangi jawatan itu. (Catatan: Perlembagaan Pemuda menetapkan bahawa hanya mereka yang berusia di bawah 40 tahun saja yang boleh menganggotai Pergerakan Pemuda. Bagaimanapun pengecualian diberikan kepada Ketua Pemuda peringkat nasional).

Kedua, Haji Suhaimi juga merupakan pemimpin yang sewaktu menjadi ketua berumur di bawah 40 tahun, sedangkan ada antara mereka yang mengatasi usia itu sebelum ini dipilih ke jawatan itu. Malah, Tan Sri Jaafar Albar sewaktu memenangi jawatan ketua berusia 62 tahun, dan Datuk Harun walaupun sudah melebihi 40 tahun, dikekalkan ke jawatan itu untuk beberapa kali.

Tetapi tidak dapat dinafikan bahawa pengaruh Datuk Harun Idris telah turut membantu Haji Suhaimi memenangi jawatan Ketua Pemuda yang secara automatik membolehkan beliau menjadi salah seorang naib presiden parti. Ini kerana sepanjang yang berkait dengan kes Datuk Harun, pendirian Haji Suhaimi memang jelas. Beliau berusaha untuk memulihkan kedudukan Datuk Harun di da-

lam parti. Walaupun sewaktu beliau mengambil alih tugas ketua, Datuk Harun sudah diterima semula menjadi ahli UMNO dan turut dipilih oleh perwakilan UMNO 1978 untuk menjadi anggota Majlis Tertinggi, tetapi pemilihan Datuk Harun yang diperjuangkan oleh Pergerakan Pemuda UMNO tidak habis di situ saja. Ia mahu Datuk Harun diberi pengampunan — satu usaha yang hanya berjaya dilakukan dalam tahun 1981 setelah ada tanda-tanda bahawa Tun Hussein Onn akan berundur diri dari pimpinan UMNO dan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan mengambil alih pimpinan UMNO. Malah kegagalan Haji Suhaimi untuk mendapatkan pengampunan itu telah membuat ada bahagian Pemuda yang mencalonkan Datuk Harun menentang beliau untuk jawatan ketua dua tahun kemudian — dalam tahun 1980.

Tetapi pengaruh Harun bukanlah faktor tunggal yang membantu Haji Suhaimi untuk menjadi ketua. Hakikat bahawa beliau telah memangku jawatan itu untuk beberapa ketika, juga telah mempengaruhi para perwakilan untuk mengesahkan beliau ke jawatan itu. Ini kerana seorang lagi calon yang dinamakan untuk menentang beliau — Syed Nahar — juga seorang yang menentang atas soal prinsip, cara pemecatan Datuk Harun. Malah Syed Nahar akan tercatat dalam sejarah UMNO sebagai tokoh tunggal yang bertindak keluar dari mesyuarat Majlis Tertinggi yang dipengerusikan oleh Tun Hussein Onn mengenai perkara Datuk Harun itu. Atas dasar ini, Pemuda boleh memilih Syed Nahar, tetapi oleh kerana pengaruh Harun bukan faktor tunggal, maka Haji Suhaimilah yang menjadi pilihan.

Jelas bahawa hasrat Pemuda UMNO untuk mengekalkan seorang ketua yang tidak mempunyai sebarang jawatan dalam kerajaan telah menolong Haji Suhaimi. Dengan itu diharapkan, beliau akan bebas memperjuangkan apa juga yang difikirkan patut tanpa perlu merasa takut yang kedudukan dalam kerajaan akan tergugat. Dari segi ini barangkali, para Pemuda meletakkan harapan yang terlalu tinggi pada Haji Suhaimi, yang ternyata beberapa tahun kemudian, bukannya seorang pemimpin yang berkaliber besar. Tak dapat tidak, bayang-bayang Datuk Harun dan selepas itu, Tan Sri Jaafar Albar, senantiasa melindungi Haji Suhaimi yang diharapkan akan berjuang dengan nada kelantangan seperti pemimpin-pemimpin sebelumnya.

Tetapi barangkali kegagalan beliau untuk meletakkan dirinya sebagai Ketua Pemuda yang setanding dengan Harun dan Albar adalah buatannya sendiri. Ini kerana sebaik saja mengambil alih pimpinan, Haji Suhaimi menjadikan 'Era Bertindak' sebagai slogan perjuangannya, menggantikan 'kumpulan halia' yang dianjurkan oleh Albar sebelum ini. Dan bila beliau tidak berupaya untuk memenuhi janjinya selaras dengan slogan itu, pimpinan beliau telah diperolokkan oleh banyak pihak. Malah di kalangan para pengulas politik tanahair, kecuali penyokong beliau, tidak ada yang inemandang tinggi akan prestasi Haji Suhaimi setelah tiga tahun pertama beliau memimpin Pemuda. Misalnya, lidah pengarang akhbar *The Star* sewaktu mengulas ucapan Haji Suhaimi di pembukaan mesyuarat tahunan UMNO tahun 1980 menulis: "Ucapan beliau tidak memberikan petunjuk tentang pimpinan jenis apakah beliau akan mewujud-

kan kelak" (*The Star*, 3 Julai 1980). Sebelum itu pun sudah ada tulisan yang memperkecil-kecilkan pimpinan Haji Suhaimi. Rosnah Majid, dalam *Mingguan Malaysia*, 29 Januari 1980, antara lain menulis: ".....setelah tiga tahun Pergerakan Pemuda di bawah pimpinan Haji Suhaimi, pergerakan itu bergerak atas landasan yang senyap dan mungkin boleh dikatakan *moderate*.....pada setengah pihak, ini ditafsirkan sebagai kegagalan Haji Suhaimi.....beliau tidak ada kemampuan untuk bertindak selantang Harun."

Walaupun pemerintahan beliau dianggap *moderate*, dalam pertandingan dengan bapa saudaranya sendiri, Datuk Harun, untuk jawatan ketua dalam tahun 1980, Haji Suhaimi telah berjaya mempertahankan jawatan itu dengan kelebihan undi yang agak besar, walaupun tidak sebesar kali pertama dalam tahun 1978. Dalam pertandingan tahun 1980 itu, Haji Suhaimi mendapat 198 undi, manakala Harun memperoleh 153. Tetapi dalam pertandingan ini ada usaha untuk mempastikan bahawa Datuk Harun tidak memenangi jawatan itu untuk mengelakkan apa yang dipanggil waktu itu, 'luka lama berdarah kembali' terjadi. Malah pemimpin-pemimpin ulung UMNO memang diketahui mahukan Haji Suhaimi dikekalkan untuk mengelakkan sebarang *embarrassment* untuk parti itu.

Namun begitu, pengaruh Harun dalam Pemuda tidak mudah dilupakan begitu saja. Hakikat bahawa beliau mendapat 42.7 peratus undi menguatkan pandangan itu. Dan hakikat bahawa setahun kemudian beliau turut terpilih menjadi salah seorang tiga Naib Presiden UMNO sudah tentu menjadi

bukti bahawa para pengikutnya dalam UMNO masih ada. Apa yang lebih mengagumkan ialah segala kejayaan ini dicapai tanpa peluang untuk berkempen kerana beliau berada di dalam penjara.

Haji Suhaimi sendiri walaupun waktu itu menggemparkan negara dengan slogan ‘Era Bertindak’, sebenarnya tidak menjanjikan perubahan-perubah-an radikal atau dramatik dalam perjuangan Pergerakan Pemuda UMNO. Dalam ucapan penangguhan setelah dipilih menjadi ketua dalam tahun 1978 misalnya, beliau sekadar berikrar untuk memimpin Pemuda atas semangat nasionalisme, patriotisme dan keislaman. Tidak ada kenyataan bahawa beliau ingin menjadikan Pemuda UMNO sebagai pertubuhan yang agresif atau menentang badan induk. Dalam ucapan setiap tahun setelah menjadi ketua, beliau seperti pemimpin lain dalam UMNO, banyak menyentuh perjuangan-perjuangan UMNO pada keseluruhannya seperti menghapuskan kemiskinan, meminta cuti umum hari Ahad ditukar kepada hari Jumaat dan lain-lain perkara yang seumpamanya.

Tetapi tidak dinafikan bahawa pada saat beliau mengambil alih pimpinan Ketua Pemuda, pergerakan itu sedang melalui satu zaman krisis identiti dari segi peranan. Pilihan yang ada ketika itu ialah sama ada untuk meneruskan peranan yang dimainkan oleh Pemuda di bawah Harun dan Albar atau mengiyakan sahaja kehendak pemimpin di atas. Dan oleh kerana Haji Suhaimi masih muda dalam serba-serbi — umur, pengalaman dan sebagainya, jika dibandingkan dengan Harun dan Albar maka beliau tentu tidak boleh bertindak sesuka hati.

Pada asasnya beliau tersepit antara dua pihak. Di satu pihak terdapat ahli-ahli Pemuda yang mahu beliau memperjuangkan soal pengampunan Harun sehingga berjaya, dan dengan itu bermakna beliau terpaksa berkonfrontasi dengan badan induk yang tidak mahu melayan soal pengampunan Harun, yang didapati bersalah kerana kesalahan-kesalahan jenayah itu. Di pihak yang satu lagi terdapat kumpulan yang mahukan beliau meneruskan peranan untuk menjadi jambatan antara Pemuda dengan badan induk untuk merapatkan dua pihak yang renggang kerana soal Harun.

Haji Suhaimi, dalam satu pertemuan dalam bulan Julai 1985 mengakui kesukaran yang dialami dalam melaksanakan tugas sebagai Ketua Pemuda. Tetapi secara terus-terang beliau katakan bahawa beliau sebenarnya berusaha untuk menjadikan Pergerakan Pemuda UMNO sebagai badan yang menyokong seratus peratus usaha kerajaan dalam bidang ekonomi, memandangkan bahawa tempoh pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru sudah sangat hampir. Malah beliau memberitahu bahawa selepas tahun 1980, setelah beliau berjaya menewaskan Harun, beliau meminta pimpinan tertinggi UMNO memberi tempat sebanyak mungkin kepada Exco Pemuda UMNO bagi menduduki jawatan-jawatan kerajaan untuk membolehkan mereka membantu menjayakan segala rancangan kerajaan. Beliau tidak nampak apa faedahnya Pemuda UMNO berada di luar kerajaan, menjerit minta itu dan ini, sedangkan apa yang diminta itu boleh dilakukan dengan menyertakan pemimpin-pemimpin Pemuda ke dalam kerajaan peringkat pusat dan negeri.

Kebetulan pula waktu itu, sebahagian besar Exco Pemuda Pusat dan Negeri telah diberi tempat dalam kerajaan sama ada sebagai timbalan menteri atau ahli exco negeri. Haji Suhaimi mendakwa bahawa sebahagian dari kejayaan itu adalah usaha beliau, walaupun dakwaan itu tidak scratus peratus benar. Ini kerana sebelum itu pun sudah ada pemimpin Pemuda UMNO yang diberi tempat dalam kerajaan. Misalnya, Datuk Mokhtar Hashim sudah menjadi timbalan menteri sewaktu memenangi jawatan Naib Ketua Pemuda. Begitu juga dengan Najib. Ini kerana selain dari usaha Haji Suhaimi, memang terdapat usaha yang sengaja dari pemimpin di atas untuk memberi tempat kepada Pemuda-pemuda UMNO di dalam kerajaan. Seperti yang dijelaskan oleh pemimpin tertinggi UMNO waktu itu, apa yang dibuat itu adalah sejajar dengan hasrat untuk melihat peralihan pimpinan dari orang lama kepada orang baru, dengan cara yang teratur dan tersusun tanpa menimbulkan sebarang keributan seperti yang berlaku di setengah-setengah negara, sehingga ada kalanya parti itu sendiri menjadi hancur-lebur. Jelas bahawa pemimpin-pemimpin UMNO tidak mahu melihat keadaan yang sama berlaku di negara ini. Sebaliknya mereka mahu melihat UMNO terus kuat walaupun pemimpin-pemimpinnya terdiri daripada generasi yang lebih muda.

Inilah hasrat Haji Suhaimi sebagai Ketua Pemuda waktu itu, dan inilah juga yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin UMNO di kala yang sama. Walaupun usaha peringkat pertama Haji Suhaimi untuk membolehkan anggota-anggota Exco Pemuda

da mendapat tempat kedudukan dalam kerajaan berjaya dilakukan, tetapi rancangan peringkat kedua beliau iaitu untuk menyelaraskan program bertindak bagi pegawai-pegawai Pemuda itu, tidak berjaya dilaksanakan.

Program peringkat kedua ini sebenarnya tidak banyak diketahui orang, dan Haji Suhaimi sendiri tidak menghebahkan kepada umum perkara itu. Rancangan beliau, seperti yang diceritakan dalam satu pertemuan dengannya, ialah untuk Pemuda UMNO membuat rancangan-rancangan ekonomi, sosial dan sebagainya yang kemudian akan diserahkan kepada Exco Pemuda yang mempunyai kedudukan dalam kerajaan untuk pelaksanaan. Tapi sayang, atau malangnya, beliau telah tidak diberi kesempatan untuk meneruskan rancangannya itu. Kerana setelah program peringkat pertama disempurnakan, beliau memerlukan lagi dua tahun untuk meneruskan peringkat kedua. Tetapi tempoh yang beliau kehendaki itu telah tidak diperolehi apabila dalam perebutan jawatan tahun 1982, beliau gagal mempertahankan jawatannya. Sebaliknya, seorang yang baru saja menyertai UMNO, Encik Anwar Ibrahim, telah dipilih ke jawatan itu. Dalam pertandingan itu Haji Suhaimi kalah 10 undi, tetapi kekalahan itu telah menjauhkan beliau dari Pergerakan Pemuda UMNO yang beliau pimpin sejak tahun 1977. Ini terbukti apabila beliau gagal dengan majoriti undi yang lebih besar dalam usaha untuk menawan semula jawatan itu dalam tahun 1984.

Dengan kegagalan itu, hasrat beliau untuk mengembalikan peranan Pemuda sebagai 'kumpulan

pendesak' turut sama berkubur. Ini kerana dalam kempen-kempen untuk merebut semula jawatan ketua yang terlepas dari genggaman beliau dua tahun sebelum itu, Datuk Haji Suhaimi sedikit pun tidak menimbulkan rancangan peringkat kedua (untuk menghimpun exco-exco Pemuda yang duduk dalam kerajaan) untuk melaksanakan rancangan yang beliau rangka. Sebaliknya dalam kempen 1984 itu beliau secara terus-terang menyatakan keinginannya untuk menjadikan Pemuda UMNO sebagai *pressure group*. Keinginan beliau itu ternyata bercanggah dengan *mood* politik waktu itu yang menekankan kerjasama di dalam UMNO seperti yang dikehendaki oleh pemimpin tertinggi.

Kesilapan inilah yang barangkali telah memperngaruhi Pemuda untuk menolak pimpinan Haji Suhaimi dengan jumlah undi yang lebih besar. Lagi pula pimpinan yang ada yang diketuai oleh Dr. Mahathir Mohamad boleh dikatakan sama radikal, kalaupun tidak lebih, dari Pemuda UMNO dalam melaksanakan berbagai idea pembangunan untuk membela bangsa Melayu. Apa yang diperlukan oleh Pemuda ialah seorang pemimpin yang boleh memainkan peranan sebagai penyokong kuat untuk melaksanakan program-program itu. Inilah yang diinginkan oleh Perdana Menteri yang juga menjadi Presiden UMNO. Dalam kata-kata lain, apa yang diperlukan bukan seorang penentang atau pembantah, tetapi seorang penyokong yang setia pada pimpinan parti. Encik Anwar setelah dua tahun menjadi Ketua Pemuda terbukti mempunyai ciri-ciri itu dan para perwakilan tidak teragak-agak untuk mengesahkan pimpinan beliau.

Bagi Haji Suhaimi pula dengan mengemukakan gagasan untuk menjadikan Pemuda UMNO sebagai kumpulan pendesak, ia sebenarnya mendedahkan kepada umum betapa tidak tetap pemikiran beliau tentang pergerakan itu. Sekurang-kurangnya terdapat tiga bentuk peranan yang ingin beliau semai-kan pada diri pergerakan tersebut. Sebaik saja beliau mengambil alih, beliau melaungkan badan itu dengan slogan 'Era untuk bertindak'. Selepas itu, terutama setelah beliau dilantik menjadi tim-balans menteri dalam kerajaan, beliau mahu Pemuda menjadi sebahagian dari kerajaan itu sendiri dengan rancangan peringkat kedua seperti yang diterangkan sebelum ini. Kemudian apabila beliau berada di luar Pemuda UMNO setelah kalah merebut jawatan ketua dalam tahun 1982, beliau berkempen atas landasan untuk menjadikan Pemuda UMNO sebagai kumpulan pendesak. Gagasan ini telah ditolak, dan nampaknya kemungkinan untuk menjadi Ketua Pemuda semula bagi Haji Suhaimi tidak akan terjelma lagi. Malah kekalahan beliau turut pula memalapkan kerjaya politik beliau, sekurang-kurangnya buat sementara waktu ini. Ekoran kekalahan itu, beliau juga telah tidak dilantik semula menjadi timbalan menteri.

Tetapi mungkin apa yang terjadi pada Haji Suhaimi itu merupakan sesuatu yang boleh diduga. Ini disebabkan beliau seperti juga Albar, terpilih menjadi Ketua Pemuda pada dasarnya, kerana pergolakan dalam Pergerakan itu yang berpunca dari Harun. Kerana itulah kedua-duanya menghabiskan banyak waktu untuk cuba menyelesaikan masalah bekas Menteri Besar Selangor dan bekas Ketua

Pemuda yang kontroversial itu. Tugas yang dipikul oleh mereka tidak sekadar untuk memasukkan semula Harun ke dalam parti, tetapi juga mengusahakan pengampunannya.

Dan apabila Datuk Harun diampunkan dalam tahun 1981, maka khidmat Haji Suhaimi seolah-olah tidak diperlukan lagi. Malah ada juga di antara Pemuda yang merasakan bahawa pengampunan Datuk Harun itu lebih merupakan usaha Timbalan Perdana Menteri waktu itu, Datuk Seri Dr. Mahathir, dari usaha Haji Suhaimi sendiri. Ini kerana perkara pengampunan itu dikemukakan kepada Lembaga Pengampunan sewaktu Dr. Mahathir menjadi Pemangku Perdana Menteri ketika PM Tun Hussein Onn menjalani pembedahan di luar negeri.


Dengan perkembangan itu Pemuda UMNO merasakan bahawa ia memerlukan seorang ketua baru yang lebih dinamik dari Haji Suhaimi. Dalam keadaan tersebut, Anwar Ibrahim muncul ke dalam Pemuda UMNO.



Datuk Haji Suhaimi Kamaruddin
Ketua Pemuda UMNO yang ketujuh, 1978–1982



Haji Suhaimi bersama Albar dan Exco Pemuda yang lain



Haji Suhaimi sedang berucap kepada para perwakilan Pemuda UMNO



Haji Suhaimi berjabat tangan dengan Shahril Samad



Haji Suhaimi mengucap tahniah atas kemenangan Anwar

ERA ANWAR IBRAHIM

Era Encik Anwar Ibrahim mengetuai Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia bermula dalam bulan September 1982. Dalam pertandingan satu lawan satu di Perhimpunan Agung ke-31 itu, Encik Anwar telah berjaya menewaskan ketua bertahan, Datuk Haji Suhaimi Kamaruddin dengan kelebihan 10 undi, dan dengan majoriti yang lebih besar dua tahun kemudian (1984).

Seperti Tan Sri Jaafar Albar dan Datuk Haji Suhaimi sendiri sebelum ini, kejayaan Encik Anwar itu juga merupakan satu rekod bagi Pergerakan itu. Jika Albar dipilih menjadi ketua ketika berusia 62 tahun, dan Haji Suhaimi sebagai naib ketua yang pertama menjadi ketua, Encik Anwar pula merupakan orang paling baru dalam UMNO yang diterima menjadi Ketua Pergerakan Pemuda yang secara automatik membolehkan beliau menjadi naib presiden parti. Sewaktu pemilihan beliau itu, Encik Anwar baru kira-kira enam bulan menganggotai UMNO. Sebelum kemasukan ke dalam parti itu, beliau merupakan penentang kuat UMNO

dan berdasarkan petanda yang ada, tidak ada siapa yang meramalkan beliau akan menyertai UMNO. Sebaliknya jangkaan dibuat jika Encik Anwar ingin mengambil bahagian aktif dalam politik, Parti Islam Setanah Melayu merupakan pilihan yang natural Encik Anwar, memandangkan *attachment* besar yang beliau berikan terhadap perjuangan Islam. Malah beberapa orang kawan Encik Anwar yang pernah menemui beliau dan menyatakan hasrat untuk menyertai UMNO, telah dilarang oleh beliau berbuat demikian. Sebaliknya beliau dikatakan telah menasihatkan mereka, "secara sungguh-sungguh atau berjenaka", supaya menyertai PAS. Malah di kalangan orang-orang ABIM (Angkatan Belia Islam Malaysia) jika mereka ingin mengambil bahagian aktif dalam politik ketika itu, mereka memilih PAS.

Tetapi takdir telah menyuratkan bahawa Encik Anwar akan memasuki UMNO, malah berita kemasukan Encik Anwar itu membolehkan kita mengetahui dari mulut beliau sendiri bahawa beliau sebenarnya sudah lama menyertai parti itu. Sejak sekolah lagi beliau telah menjadi ahli UMNO, walaupun yuran tahunan keanggotaannya dijelaskan oleh ibu bapanya. Bagaimanapun tindak-tanduk beliau ternyata bercanggah dengan sikap seorang ahli UMNO waktu itu.

Apa yang mendorong Encik Anwar memasuki UMNO ialah kerana terdapatnya perubahan pimpinan dalam UMNO dalam tahun 1981. Mulai tahun itu, Dr. Mahathir Mohamad telah dipilih menjadi presiden, menggantikan Tun Hussein Onn yang meletakkan jawatan atas sebab-sebab kesihatan.

Ikrar Dr. Mahathir untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran yang bertujuan untuk melawan pengaruh PAS yang juga berada dalam pimpinan baru, serta kejujuran dan keikhlasannya untuk melaksanakan projek-projek yang bercorak Islam, telah mendorong Encik Anwar menukar fikiran dan memilih UMNO sebagai wadah untuk beliau melaksanakan idea-idea politiknya. Tidak seperti rakyat Malaysia yang lain yang menyertai UMNO secara senyap-senyap, kemasukan Anwar telah mendapat perhatian besar terutama di pihak akhbar. Kemasukan dari atas itu telah menggemparkan seluruh negara. Bagi Anwar, penyertaan itu jelas menguntungkan UMNO kerana parti itu berjaya mendapat seorang penentang lantangnya menjadi penyokongnya. Bagi kawan-kawan Encik Anwar dalam ABIM, walaupun mereka merestui pemergian Encik Anwar, tetapi ada juga yang merasa tindakan itu sebagai satu "pengkhianatan." Tetapi segala-galanya bergantung kepada tindak-tanduk Encik Anwar sendiri selepas menyertai parti, sama ada beliau akan hanyut dengan nilai-nilai yang beliau kata korup yang menguasai UMNO sewaktu beliau berada di luar, atau beliau akan berjaya mengubah UMNO menurut gagasan politik yang pernah beliau ketengahkan.

Walaupun Encik Anwar diterima menjadi ahli UMNO dalam bulan Mac 1982, tetapi hubungan beliau dengan Dr. Mahathir diketahui sudah lama dijalin. Malah J. Victor Morais dalam bukunya, *Anwar Ibrahim, Cekal dan Tabah* ada mencatatkan, sama ada benar atau tidak masih belum dijelaskan, bahawa "Dr. Mahathir telah berganding bahu de-

ngan Anwar menentang Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman dan juga mempertahankan hak-hak bangsa Melayu dalam bidang pelajaran dan ekonomi."

Tidak syak lagi hubungan rapat Encik Anwar dengan Dr. Mahathir itulah yang telah membolehkan beliau naik begitu cepat dalam parti dan kerajaan. Tidak lama selepas beliau menyertai UMNO, Encik Anwar ditawarkan bertanding atas tiket Barisan Nasional untuk kerusi parlimen di Permatang Pauh dan menang dengan undi yang cukup besar. Sebaik saja menang, beliau dinamakan sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Atas sifat inilah beliau diamanahkan dengan beberapa tugas penting seperti mengasaskan Bank Islam, dan Universiti Islam Antarabangsa, yang telah membantu beliau untuk menaikkan namanya dalam UMNO. Projek-projek itu tentunya diilhamkan oleh Dr. Mahathir yang telah menyerahkan kepada Encik Anwar untuk pelaksanaan dan Encik Anwar telah melaksanakannya dengan berkesan.

Oleh kerana sebelum memasuki UMNO, Encik Anwar adalah seorang yang tidak henti-henti menjadi ketua kepada beberapa pertubuhan, misalnya semasa menjadi mahasiswa beliau menjadi Presiden Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya dan Presiden Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia. Selepas tamat pelajaran di universiti, beliau mengasaskan dan mengetuai ABIM pula, maka adalah munasabah yang beliau akan bertanding untuk jawatan tertentu dalam UMNO bila berlaku pertandingan.

Jelas adalah terlalu muda untuk beliau menjadi

Presiden UMNO itu sendiri; lagi pun beliau tentu tidak tergamak untuk melawan Dr. Mahathir bagi jawatan itu. Logiknya, ialah untuk beliau menjadi Ketua Pemuda UMNO sejajar dengan semangat muda yang berkobar-kobar dalam dirinya. Dan bila berlaku pemilihan untuk tahun 1982 itu, nama Encik Anwar telah turut dicalonkan. Walaupun sejak bulan Jun, nama beliau telah diketengahkan sebagai calon, tetapi hanya pada 13 Ogos 1985 beliau mengumumkan menerima pencalonan. Nyatalah beliau tidak tergesa-gesa untuk mendapatkan sebarang jawatan.

Tidak dapat dinafikan bahawa ada sebahagian Pemuda yang mencalonkan nama Encik Anwar sekadar untuk menguji kehadirannya dalam UMNO, atau hanya untuk mendorong Encik Anwar bertanding dengan niat supaya beliau ditewaskan. Ini kerana mereka tahu, bukan tugas yang mudah untuk menjatuhkan seorang ketua yang bertahan. Tetapi Encik Anwar telah bertindak bijak dengan menyelidiki terlebih dulu akan hasrat sebenar para perwakilan bahagian yang mencalonkan beliau. Beliau mengadakan lawatan ke setiap negeri dan berpuas hati bahawa, di kalangan Pemuda memang ada yang benar-benar inginkan perubahan, sejajar dengan perubahan pimpinan dalam badan induk itu sendiri. Beliau berjaya mengesan perubahan ini dan mula berkempen atas landasan yang terhormat. Encik Anwar tidak mengeji atau mencaci pimpinan Datuk Haji Suhaimi dalam Pemuda UMNO. Malah beliau merasakan pimpinan Haji Suhaimi tidak ada cacat-celanya. Beliau cuma memberi peluang kepada Pemuda UMNO memilih seorang pemimpin

baru untuk memberi pimpinan yang lebih berkesan kepada pergerakan itu.

Malah di kalangan pemimpin UMNO sendiri, memang ada yang merasakan arah Pemuda di bawah Suhaimi tidak begitu nyata. Bekas ketua badan itu, Datuk Harun Idris dikatakan pernah membuat ulasan demikian terhadap pimpinan anak saudaranya itu. Tetapi tidak syak lagi bahawa restu yang diberikan oleh Dr. Mahathir telah membantu Encik Anwar dalam pertandingan 1982 itu. Jelas berdasarkan keputusan, para perwakilan Pemuda UMNO berbelah bagi sama ada hendak mengekalkan Haji Suhaimi atau memilih Encik Anwar. Bagaimanapun ucapan Haji Suhaimi di upacara pembukaan persidangan yang dikatakan secara halus cuba menyindir Anwar, telah mempengaruhi para perwakilan untuk memberi kemenangan kepada Anwar dengan kelebihan 10 undi.

Oleh kerana Encik Anwar tidak membuat janji yang besar-besar sewaktu berkempen, maka sukar dibayangkan tentang arah Pemuda di bawah beliau. Pada mulanya ada juga yang mengharapkan beliau mengambil pendekatan yang radikal seperti yang pernah dilakukan dalam ABIM dan sewaktu menuntut di universiti dulu. Bagaimanapun mereka yang mengharapkan demikian akan merasa ham-pa. Tambahan pula tidak lama selepas menjadi Ketua Pemuda – hampir setahun kemudian – beliau dilantik menjadi Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan. Kedudukan itu, dan sebagai timbalan menteri sebelum ini, telah mengajar beliau bahawa antara pengkritik tanpa sebarang tanggungjawab di luar kerajaan dengan tugas seorang menteri,

adalah berbeza. Lagi pula kenaikan beliau dalam UMNO adalah dengan sokongan Dr. Mahathir. Kerana itu adalah tidak wajar bagi beliau menggunakan Pemuda UMNO untuk menggugat pimpinan Dr. Mahathir.

Pandangan ini terbukti tidak salah apabila dalam satu temuramah dengan *Utusan Malaysia* yang disiarkan secara bersiri pada 27 Jun 1983 — wawancara pertama beliau dengan akhbar setelah sepuluh bulan menjadi Ketua Pemuda UMNO — Encik Anwar menyatakan bahawa, dari segi pernyataan sikap dan pendirian Pemuda akan memberi sokongan kepada dasar dan pendirian pemimpin tertinggi UMNO. Beliau juga menjelaskan bahawa Pemuda di bawahnya tidak akan mengambil sikap berkonfrontasi dengan pemimpin (baca: pimpinan Dr. Mahathir, kerana terbukti sekarang beliau lantang mengkritik pimpinan UMNO negeri, misalnya dalam kes projek mewah). Sebaliknya, Encik Anwar menyatakan bahawa lebih banyak dialog dengan pemimpin akan diadakan. Tegas Encik Anwar: "Pemuda adalah pelengkap kepada bahan induk dan tidak seharusnya bertentangan dalam soal perjuangan dan dasar." Bagaimanapun beliau tidak mahu Pemuda lari dari tugas menegur dan mengkritik, yang beliau anggap tetap terletak di bahu Pemuda. Encik Anwar selanjutnya menyatakan bahawa beliau merasakan Pemuda tidak perlu membuat kenyataan terbuka yang boleh menyinggung perasaan pucuk pimpinan, kerana pemimpin kita begitu terbuka dan sedia mendengar pandangan Pemuda, senang pula berjumpa baik di rumah maupun di pejabat. Menurut beliau

lagi, jika pun ada perbezaan antara Pemuda dengan UMNO induk, ialah terletak pada sifat semulajadi-nya yang lebih *autonomous* untuk menegur dan menuntut supaya perubahan-perubahan dibuat dengan lebih cepat dan berkesan.

Tetapi dalam temuramah dengan *Utusan Maysia* itu, beliau juga memberi amaran; jika pemimpin kita tidak mahu mendengar pandangan Pemuda dan sukar untuk ditemui, maka kita mempunyai sebab untuk bertindak secara terbuka. Mesej yang sama beliau ketengahkan dalam ucapan dasar yang pertama kepada pergerakan itu dalam Perhimpunan Agung Pemuda pada 18 Ogos 1983. Beliau mengisyiharkan bahawa "ukuran buat kita tidak lagi pada kelantangan bersuara, tetapi kebijaksanaan akal, bertindak untuk menyempurnakan tanggungjawab yang diamanahkan dan memastikan agar jaminan dan dasar yang dijanjikan dilaksanakan secara berkesan.....Pemuda bukanlah lagi menuntut pengiktirafan dan bukannya mempertentangkan pendapat dengan badan induk.....Penubuhan Pemuda adalah untuk membina semangat rakyat dan kesedaran kebangsaan Melayu, mencapai kemerdekaan, dominasi Melayu dalam pemerintahan negara, memperjuangkan Islam sebagai agama Persekutuan; sementara secara realistik pula menganjurkan perpaduan dan harmoni dengan menjamin hak dan kebebasan bersama..... Oleh itu tugas bariisan Pemuda yang maha penting yang melebihi segala kepentingan lain ialah membina dan menggerakkan semula semangat keinsafan dan kesedaran. Semangat unggul ke arah ketinggian akal budi dan kegagahan peribadi yang akan menggerakkan, men-

celikkan dan membangunkan zamannya. Kita mesti menyemarakkan semula semangat kebangsaan yang sihat.”

Setelah mengisyiharkan bahawa Pemuda UMNO di bawahnya akan menjadi ‘Angkatan Penggerak Zaman’, Encik Anwar menggariskan pula keutamaan yang akan diperjuangkan Pemuda di bawah pimpinannya. Kebanyakan ideal yang menjadi perjuangan beliau di luar UMNO juga kini menjadi Perjuangan Pemuda UMNO. Kata beliau: “Rasuh yang menjadi barah dalam jentera pentadbiran mesti dibentras tanpa tolak ansur: langkah membasi kemiskinan terutama di kalangan rakyat perlu terus ditingkatkan. Suasana yang lebih liberal dan terbuka, kebebasan bersuara dan kritikan yang diharuskan adalah petanda-petanda sihat bagi pimpinan matang dan berupaya. Lebih-lebih lagi gagasan menyeluruh meninggikan moral rakyat, menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran dan kehidupan rakyat serta usaha-usaha mempertahankan maruah bangsa dan negara adalah langkah-langkah yang pasti didukung sekarang oleh generasi muda.”

Tetapi kejayaan Encik Anwar memimpin Pemuda bukan sekadar dibuat berdasarkan kemampuanya berpidato secara berapi-api, tetapi juga hasil dari segala tindak-tanduknya. Ini penting terutamanya untuk menghadapi pemilihan Ketua Pemuda yang diadakan dalam tahun 1984, yang akan menentukan sama ada pimpinan beliau akan disambung atau tidak. Memandangkan beliau hanya menang 10 undi dalam perlawanan kali pertama dengan Haji Suhaimi, beliau mestilah membuktikan bahawa pimpinannya adalah lebih berkesan dari

ketua sebelum ini, seperti yang beliau janjikan dalam kempen-kempen untuk mendapatkan jawatan itu dulu. Sekali lagi dalam kes ini, Encik Anwar mendapat bantuan dari pimpinan tertinggi parti, terutama berkait dengan kes mendapatkan semula sebidang tanah bernama CARCOSA, yang telah dihadiahkan oleh rejim Tunku kepada pihak British semasa merdeka dulu untuk dijadikan kediaman rasmi Pesuruhjaya Tinggi British di Kuala Lumpur.

Secara mendadak soal CARCOSA itu telah ditimbulkan atau dijadikan satu isu yang seolah-olah hidup mati bangsa dan negara kita bergantung kepada penyerahan semula tanah itu kepada yang berhak. Perjuangan itu mendapat sokongan pelbagai pihak, termasuk UMNO induk, walaupun dari sumber-sumber British ada yang mengatakan bahawa pihaknya bersedia menyerahkan tanah itu tanpa perlu ditimbulkan menjadi satu isu yang besar. Walaupun CARCOSA berjaya diperolehi semula, tetapi sebidang tanah lain telah terpaksa dicari untuk dijadikan pampasan, menggantikan tanah tersebut. Dan untuk membuktikan bahawa beliau bersungguh-sungguh memperjuangkan kemiskinan dan tidak mengharapkan kerajaan saja menyempurnakan tugas itu, Encik Anwar telah mengambil dayausaha melancarkan Yayasan Gerak Bakti Pemuda UMNO, yang mengumpul wang yang akan digunakan untuk program-program membantu kemiskinan. Para kapitalis bumiputera memberi sokongan kepada usaha beliau itu dan masing-masing menghulurkan sumbangan untuk memenuhi tabung yayasan itu.

Selain dari itu, Encik Anwar juga mengambil

inisiatif untuk merapatkan lagi kerjasama antara Pemuda-pemuda Barisan Nasional — satu bidang yang sebelum ini tidak begitu diberi perhatian oleh Pemuda UMNO. Jelas bahawa setelah berjaya menjalin hubungan baik dengan pemimpin-pemimpin Islam semasa di luar UMNO dulu, Encik Anwar setelah masuk UMNO merasa perlu pula memperbaiki hubungan dengan pemimpin-pemimpin bukan Islam dari parti-parti komponen yang telah menyokong UMNO untuk terus memerintah negara ini. Tetapi segala program Encik Anwar nampaknya diberi sambutan baik oleh perwakilan Pemuda yang telah memilih beliau kali kedua menjadi ketua dalam tahun 1984.

Walaupun Encik Anwar berikrar untuk tidak membuat kenyataan terbuka yang menyinggung para pemimpin UMNO, tetapi pada hakikatnya tindakan itu lebih ditujukan kepada presiden dan timbalan presiden parti yang beberapa kali disifatkan oleh Encik Anwar sebagai regu yang ideal dan terbaik. Ini kerana dalam tindak-tanduknya sebagai Ketua Pemuda, Encik Anwar tidak segan silu untuk mengkritik secara terbuka pemimpin di peringkat negeri. Ini terjadi apabila beliau mengalihkan perhatian terhadap kempen menentang projek-projek mewah yang dilakukan oleh kerajaan-kerajaan negeri, yang menurut beliau, tidak membantu membasi kemiskinan rakyat. Dalam kempen yang dibuat sejak Mei itu, Encik Anwar secara terbuka telah mengecam menteri-menteri besar yang juga ketua perhubungan negeri, kerana telah memenuhi permintaan satu golongan orang berpengaruh yang terpisah dari rakyat untuk melaksanakan projek-projek berharga berjuta-juta ringgit, tetapi hanya

memberi faedah kepada segelintir rakyat saja.

Walaupun perjuangan itu mendapat sokongan pelbagai pihak, di dalam dan di luar UMNO, menteri-menteri besar UMNO itu sendiri tidak setuju dengan pandangan Anwar. Dalam sidang di Perlis tidak lama selepas soal itu menjadi heboh, para menteri besar itu menegaskan bahawa tidak ada projek mewah yang sedang mereka laksanakan; projek-projek yang ada semuanya untuk manfaat rakyat terbanyak dan tidak ada pihak yang berpengaruh dan terpisah dari rakyat yang mempengaruhi mereka untuk melaksanakan sesuatu projek. Dalam jawapan kepada pandangan itu, Encik Anwar menegaskan bahawa terpulanglah kepada rakyat sendiri untuk menyenaraikan projek-projek mewah di tempat mereka. Dan ditanya mengapa beliau tidak memerangi projek mewah kerajaan Persekutuan, Encik Anwar berkata, tidak ada projek jenis itu yang dilaksanakan oleh kerajaan pusat.

Jelas bahawa dalam tempoh yang singkat, Encik Anwar tidak dinasikan telah memberikan pimpinan yang berkesan kepada Pemuda UMNO. Oleh kerana beliau rapat dengan pimpinan tertinggi parti, malah beliau naik kerana Dr. Mahathir khususnya, tentu Encik Anwar tidak boleh diharapkan untuk menyatakan tentang terbuka terhadap kelemahan kerajaan pusat. Dari masa ke semasa beliau mengulangi bahawa pergerakan pimpinannya akan terus menjalankan peranan yang lebih tegas dengan mendedahkan berbagai perkara termasuk projek pembaziran, penyalahgunaan kuasa, penyelewengan, rasuah dan lain-lain walaupun ia melibatkan pemimpin terkemuka atau mempunyai pengaruh. Segala teguran terbuka yang dibuat oleh Pemuda

di bawah Anwar tetap diberi perhatian, termasuk dalam mempertahankan pimpinan yang ada dari serangan khabar-khabar angin yang cuba melagakan Dr. Mahathir dan Datuk Musa, seperti yang berlaku sepanjang bulan Julai 1985 lalu.

Apabila ada khabar angin dari Singapura yang mengatakan Datuk Musa tidak sebulu dengan Dr. Mahathir, Encik Anwar tampil ke depan menafikan berita itu dan sedikit-sebanyak telah menenangkan keadaan. Begitu juga halnya dengan cara parti komponen BN, MIC yang cuba mengambil alih saham kerajaan India dalam *United Asian Bank* yang heboh sepanjang Julai/Ogos 1985. Satu rombongan MIC pimpinan presidennya, Datuk Samy Vellu telah pergi ke India untuk mempengaruhi Perdana Menteri India, Rajiv Ghandi, supaya menjual baki saham kerajaan negara itu kepada Syari-kat Maika Holding milik parti itu. Perbuatan yang disifatkan oleh seorang anggota Majlis Tertinggi, Syed Hamid Albar, sebagai tidak menurut per-adaban itu, telah menimbulkan kekecohan. Pemegang-pemegang saham yang lain dalam UAB merasakan, jika kerajaan India hendak menjual kepentingannya dalam UAB, ia hendaklah ditawarkan kepada kepentingan minoriti yang sedia ada. Pemuda UMNO, walaupun bukan melalui ketuanya, Encik Anwar, tetapi melalui pengurus biro ekonomi dan antarabangsa, telah mempertikaikan cara Datuk Samy Vellu itu dan bersetuju supaya, kalau benar saham kerajaan India hendak dijual, ia hendaklah dijual dengan mengambil kira kedudukan ekonomi negara. Tetapi tidak syak lagi segala ke-nyataan mereka itu telah dirujuk terlebih dahulu

kepada Encik Anwar. Jelas bahawa beliau tidak mahu menjadi diktator dan dalam keadaan-keadaan tertentu membenarkan pemimpin-pemimpin Pemuda yang lain mengatakan pendirian Pemuda bila keadaan memerlukan.

Yang nampak jelas, Encik Anwar tidak lagi kekok semasa berada di kalangan pemimpin Pemuda UMNO, walaupun ada antara mereka mempunyai latarbelakang sosial, ekonomi yang berbeza dan dibesarkan dalam keadaan-keadaan yang mungkin tidak pernah dilalui oleh Encik Anwar. Lebih dari itu, Encik Anwar sendiri sudah diterima sebagai pemimpin oleh golongan muda dalam UMNO, walaupun rekod masa lalu beliau lebih banyak menghentam pergerakan itu sendiri.

•



Encik Anwar Ibrahim
Ketua Pemuda UMNO sekarang, 1982 – ?



Anwar setelah diumumkan menang sebagai Ketua Pemuda UMNO



Anwar dan Najib, Ketua dan Naibnya



Anwar, Musa dan Dr. Mahathir



Anwar dan tokoh-tokoh Pemuda UMNO



Anwar dan Ketua Wanita UMNO, Rafidah Aziz

kesilapan itu berhubung dengan jawatan penting parti seperti Ketua Pemuda ini.

Bagaimanapun, tentulah ada sebab-sebabnya beliau barangkali sedang mengusahakan supaya seorang tokoh yang pada pandangannya patut 'menggantikan' tempatnya sebagai calon bagi jawatan tersebut.

Kalau Datuk Musa Hitam, dalam masa mengumumkan penarikan dirinya sempat menonjolkan tokoh lain yang pada pandangannya patut dipilih sebagai ketua Pemuda akan datang, maka tentulah hal yang sama juga sedang dilakukan oleh Tan Sri Jaafar Albar sekarang.

(Dari *Utusan Melayu*, 5 Jun 1976).

Naskhab Pemeliharaan
Perpustakaan Negara Malaysia
11 OCT 1985